

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 121 ● 25 JUN - 1 JULAI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Sasaran 80 peratus imuniti kelompok dapat dicapai Ogos ini



ANNUAR

MENERUSI laporan terkini yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yakin sasaran 80 peratus imuniti kelompok di wilayahnya dapat dicapai, Ogos ini.

Ia berikutan, jumlah populasi yang mendaftar (vaksinasi) di Kuala Lumpur

dan Putrajaya telah mencapai 100 peratus manakala Labuan pula mencatatkan pendaftaran lebih 70 peratus.

Selain itu, pertambahan pusat pemberian vaksin (PPV) turut mendokong pertambahan peratusan populasi divaksinasi di Wilayah Persekutuan.

Menurut Annuar, sehingga kini, 124 pusat PPV sedang beroperasi iaitu tiga PPV

Mega, trak vaksin bergerak (11), PPV Awam (satu) dan 109 PPV lain-lain termasuk dikendalikan swasta.

Malah kata beliau, jangkaan itu juga sejajar dengan penurunan kes harian positif yang direkodkan dengan 642 kes di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta 104 kes di Labuan.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

PriVo: Gerakan dikoordinasi



SUKARELAWAN Wilayah Prihatin gembira dapat berkhidmat melancarkan program vaksinasi bergerak baru-baru ini, untuk mendaftar lihat iklan di muka surat 15.

PENUBUHAN Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) dalam situasi getir masa ini, membolehkan masyarakat setempat khususnya B40 dan warga emas menarik nafas lega.

Ini kerana, mereka tidak lagi tercincir daripada bantuan serta inisiatif yang disediakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dari semasa ke semasa.

Malah sejajar dengan perannya untuk mengkoordinasi, setiap pergerakan sukarelawan sama ada dalam aspek

pengagihan bantuan mahupun pemberian vaksinasi, menjadi lebih sistematik dan lancar.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun berkata, PriVo mengutamakan pemusat atau koordinasikan pergerakan serta matlamat sumber di peringkat wilayah.

Jelasnya, pasukan kesukarelawan itu akan dikemudi oleh pengarah program iaitu Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Hanapiah manakala pihaknya (YWP) bertindak sebagai penyelaras.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



Warga Kuala Lumpur, Putrajaya rekod jumlah tertinggi

100 peratus daftar vaksin

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

BERDASARKAN laporan statistik yang dikeluarkan di laman sesawang Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan 100 peratus pendaftaran bagi suntikan dos vaksin.

Malah, statistik yang direkodkan sehingga pukul 11.59 malam, 22 Jun lalu itu turut memaparkan, Labuan mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi selepas Selangor.

Daripada jumlah itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPR Annuar Musa berkata, pihaknya menjangkakan jumlah populasi Wilayah Persekutuan yang divaksin-

kan boleh mencapai 80 peratus pada Ogos.

Ujar beliau, ketiga-tiga wilayah tersebut menunjukkan penurunan kes positif dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan 642 kes manakala 104 kes di Labuan.

“Sehingga tarikh itu, jumlah populasi yang mendaftar (vaksinasi) di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mencapai 100 peratus. Penerima vaksin dos pertama di Kuala Lumpur pula 56.16 peratus dan 10.82 peratus bagi dos kedua.

“Di Putrajaya, jumlah peratusan penerima dos pertama adalah 50.34 manakala dos kedua mencatatkan 30.81 peratus,” katanya dalam sidang akbar khas pada Rabu.

Mengulas lanjut, Annuar memberitahu, Wilayah Persekutuan Labuan juga sudah mencapai 78.74

peratus pendaftaran bagi program vaksinasi dengan jumlah keseluruhan yang menerima suntikan dos pertama adalah 45.15 peratus manakala 18.77 untuk dos kedua.


Dalam pada itu, beliau berkata, Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka akan mencapai 50,000 suntikan vaksin harian menjelang Julai ini.

Jelasnya, jumlah itu akan dapat dicapai melalui 124 pusat pemberian vaksin (PPV) yang sedang beroperasi iaitu tiga PPV Mega, trak vaksin bergerak (11), PPV Awam (satu) dan 109 PPV lain-lain termasuk dikendalikan swasta.

Annuar turut memaklumkan, jumlah keseluruhan penduduk yang divaksinkan di ketiga-tiga wilayah telah meningkat daripada 7,000 dos sehari kepada 35,789 dos sehari.

Katanya, di Putrajaya, jumlah dit-

JUMLAH PENDAFTARAN



LAMAN sesawang JKJAV memaparkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah mencapai 100 peratus pendaftaran bagi program vaksinasi.

ingkatkan daripada 1,000 dos sehari kepada 1,800 dos sehari manakala di Labuan, penambahan adalah sebanyak 2,300 sekali gus menjadi wilayah itu menerima 3,000 dos sehari.

Bagi Kuala Lumpur pula, beliau berkata, jumlah suntikan harian vaks-

sin yang diberikan pada 21 Jun lalu adalah sebanyak 30,989 bagi dos pertama dan 4,679 dos kedua.

“Putrajaya mencatatkan 808 dos pertama dan 788 dos kedua manakala jumlah kumulatif suntikan vaksin dos pertama di Labuan adalah 32687 dan 13,591 dos kedua,” jelas beliau. **WK**

33,800 terima suntikan fasa kedua Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah

HAZIRAH HALIM

BAGI memastikan warga Wilayah Persekutuan mencapai sasaran imuniti kelompok seawal Ogos ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) meneruskan pelaksanaan fasa kedua Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPR Annuar Musa berkata, seramai 33,800 individu menerima vaksin bermula Isnin hingga 26 Jun.

“Program ini melibatkan golongan individu yang berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19 termasuk peniaga, pekerja di pasar harian serta penjaja, kawasan industri, penempatan gelandangan, projek perumahan rakyat (PPR), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN), perumahan awam (PA) dan kampung-kampung tradisi,” katanya menerusi kenyataan media.

Oleh itu, ujar beliau, fasa



PROGRAM vaksinasi bergerak di PPR dan PA yang memudahkan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) mendapatkan suntikan vaksin tanpa perlu keluar jauh, akan diteruskan sehingga 26 Jun ini.

kedua akan melibatkan 22 lokasi antaranya Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Harian Selayang, lapan Kawasan industri, tujuh PPR dan PA, pusat penempatan gelandangan di Pusat Komuniti Setiawangsa, Desa Aman, Desa Tasik, Kampung Sungai Penchala dan Kampung Padang Balang.

“Sebanyak kapasiti 600 dos vaksin sehari diperuntukkan bagi setiap lokasi dengan jumlah keseluruhan 13 trak vaksin bergerak,” jelasnya sambil menyatakan inisiatif berkenaan adalah

lanjutan daripada Program Rintis Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah yang telah dilaksanakan pada 7 hingga 13 Jun lalu.

Dalam pada itu, Annuar memberitahu, sepanjang tempoh itu, 24,500 dos vaksin telah diberikan kepada kumpulan sasar di Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, KWP menyasarkan 40 trak dengan 33,000 suntikan vaksin dalam sehari bagi program ini untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur termasuk Putrajaya

dan Labuan.

“Sasaran itu mampu dicapai menerusi pertambahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega selain PPV di klinik dan hospital swasta serta vaksinasi melalui Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah,” jelasnya.

Bagaimanapun, beliau turut mengucapkan kejayaan program vaksinasi ini adalah hasil kerjasama strategik KWP bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (BKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) serta jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

“Pelaksanaan program ini juga mendapat sokongan teknikal dan logistik daripada pelbagai pihak Termasuk para sukarelawan (PriVo) serta Persatuan-Persatuan Penduduk/Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan yang bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan program ini.” **WK**

Vaksin Bergerak MyMedic: Hanya penduduk PPR tersenarai diberi suntikan

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menegaskan, hanya penduduk di projek perumahan rakyat (PPR) atau perumahan awam (PA) terlibat dan tersenarai sahaja dibenarkan menyertai Program Vaksinasi Bergerak MyMedic @Wilayah yang dianjurkan.

Jelasnya, peruntukan yang disediakan itu hanya untuk penduduk di PPR atau PA yang menjadi lokasi program dan mereka terlibat sudah disenaraikan oleh ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) setempat.

“Keutamaan diberikan kepada warga emas dan orang

kurang upaya (OKU) di lokasi tersenarai sahaja. Mereka yang berada atau tinggal di kawasan lain adalah tidak layak untuk menyertai program berkenaan.

“Selain itu, pemberian vaksin adalah kepada mereka yang berdaftar dengan aplikasi MySejahtera dan tidak mempunyai temujanji di mana-mana pusat pembeiran vaksin (PPV),” katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, KWP maklumkan Program Vaksinasi Bergerak MyMedic @Wilayah yang dianjurkan sehingga 23 Jun ini akan berada di enam lokasi PPR terlibat.

REAKSI PELAKSANAAN VAKSIN BERGERAK MYMEDIC@WILAYAH



PROGRAM Vaksinasi Bergerak sangat membantu kerana sekiranya saya perlu bergerak ke Pusat Vaksinasi Mega saya perlu naiki teksi jika anak-anak tak dapat hantar dan agak sukar bagi saya.

Melalui program ini, penduduk tidak mengeluarkan sebarang kos untuk bergerak kerana ia boleh dilakukan di kawasan perumahan sahaja.”

FATIMAH DOLLAH, 71,
Suri Rumah

PEMBERIAN vaksin melalui trak vaksinasi bergerak MyMedic@Wilayah sangat wajar dilaksanakan bukan sahaja di kawasan PPR/PA malah di kawasan lain juga bagi memastikan semua rakyat Malaysia tidak terkecuali untuk

mendapatkan vaksin. Tambahan, inisiatif ini telah membantu pengurangan kos seperti kos pergerakan dan kos untuk membuat saringan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.”

NADIA ASYIKIN ABU HASSAN, 31,
Peniaga

SECARA peribadi saya amat mengharapkan program seperti ini dapat dilaksanakan 100 peratus kepada penduduk WPKL untuk mendapatkan vaksin.

Bagaimanapun, gerakan secara menyeluruh melalui program ini perlu dilaksanakan kerana semua masyarakat memerlukannya dengan kadar segera. Program ini bukan sahaja menjimatkan kos dari

sudut kewangan serta berhampiran dengan tempat tinggal penduduk malah menjimatkan masa dan tenaga masyarakat setempat.”

ENCIK KAMARUL, 51,
Pengurus Syarikat/ MPPWP Sub Zon 6 Bukit Intan

PADA pandangan saya sebagai seorang sukarelawan, inisiatif ini telah membantu ramai masyarakat di dalam golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan vaksin. Mereka sangat gembira apabila diberi peluang untuk mendapatkan inisiatif ini.

Namun, program ini perlu diperluaskan bukan sahaja di suatu kawasan tetapi dilakukan juga di kawasan perindustrian memandangkan kadar peningkatan jangkitan COVID-19 berada dalam kawasan tempat kerja.”

KUMARI A/P NAHU, 35,
Pegawai Eksekutif



BAGI saya pelaksanaan ini wajar diteruskan kerana ia membantu mempercepatkan proses imunisasi kepada masyarakat.

Tambah program vaksinasi bergerak banyak memudahkan dan membantu golongan terjejas seperti warga emas, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan berpendapatan rendah (B40) untuk menerima vaksin dengan kadar segera.

Saya juga berharap agar pelaksanaan seperti ini diperluaskan sehingga semua rakyat mendapatkan vaksin dan imuniti kelompok tercapai.

HASELINA OTHMAN, 50,
Guru

Bantuan kepada warga wilayah lebih sistematik dan lancar

PriVo koordinasi bantuan, pergerakan

NAZWIN NAZRI

SEBAGAIMANA dilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) yang digerakkan pada masa ini merupakan gabungan sukarelawan yang tampil dari pelbagai kawasan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun**, peranan sukarelawan PriVo sedikit berbeza dengan pasukan lain kerana lebih mengutamakan pemusatan atau koordinasikan pergerakan serta matlamat sumber di peringkat wilayah.

"Supaya ia (PriVo) menjadi lokasi penting. Dalam pengurusan ini, kita lebih bersistematis dan melaksanakan peranan kita sendiri."

"Di peringkat Wilayah Persekutuan, kita selaraskan tugas sukarelawan termasuk aspek bantuan makanan (*food bank*), vaksinasi, sanitasi awam dan program-program yang akan dilancarkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Untuk masa ini, pergerakan PriVo adalah untuk membantu kementerian dalam program sanitasi, pengagihan bantuan dan



ANTARA sukarelawan PriVo yang turun padang semasa program vaksinasi di PPR Muhibbah baru-baru ini.

vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi bual bicara rancangan Selamat Pagi Malaysia di

TV1 pada Rabu.

Turut serta, Pengarah PriVo, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Hanapiah**.

Mengulas lanjut, Zaizalnizam memberitahu, pasukan kesukarelawan itu dikemudi oleh pengarah program manakala pihaknya (YWP) bertindak sebagai penyelaras.

Ketika disoal tentang kelebihan PriVo, ujar beliau, pasukan berkenaan baru sahaja digerakkan dan antara manfaat yang diberi adalah insurans serta makanan percuma di lokasi.

Sementara itu, Mohd Irwan Rizal memberitahu, tujuan utama PriVo diwujudkan adalah bagi membantu program yang dilancarkan kementerian di samping mengangkat semangat membantu dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

"Mereka yang layak untuk serta adalah warga wilayah khususnya, berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan bersedia dipanggil untuk berkhidmat. Kita juga buka (penyertaan) untuk organisasi swasta selain sumbangan daripada pihak-pihak korporat.

"Kalau tiada halangan, kita akan bersama-sama menggerakkan lagi program ini dalam situasi COVID ini dengan cara sistematis. Bidang yang disediakan juga ada hampir 10 kategori dan sukarelawan terlibat boleh memilihnya mengikut minat dan masa mereka," jelasnya. **WK**

Vaksinasi pekerja Pasar Borong KL, mampu reda kebimbangan orang ramai

SYAHIDI BAKAR

PELAKSANAAN vaksinasi trak bergerak terhadap pekerja dan peniaga Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL), mampu meredakan kebimbangan orang ramai yang berkunjung ke lokasi itu setiap hari.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, keutamaan memvaksinasi pekerja PBKL dapat redakan ketakutan orang ramai yang mengunjungi antara pasar borong yang utama membekal makanan dan hasil segar di Lembah Klang itu.

"Pasar borong ini telah pun

melalui fasa suntikan untuk dua kelompok, iaitu awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan baru-baru ini libatkan lebih 100 peniaga didapati positif COVID-19.

"Langkah ini diambil kerana merasakan pekerja pasar borong harus diberi keutamaan menerima suntikan agar dapat teruskan kegiatan berniaga dalam persekitaran lebih selamat," katanya ketika meninjau Program Vaksinasi Trak Bergerak yang melibatkan peniaga dan pekerja PBKL, di sini.

Program dilaksana melalui MyMedic@Wilayah itu dijangka memanfaatkan kira-kira 2,154 orang pekerja dan peniaga di pasar

tersebut seterusnya meningkatkan keyakinan orang ramai berkunjung ke lokasi itu yang kini menjadi antara pembekal utama makanan dan bekalan segar di ibu negara.

Menurut Annuar, vaksinasi melibatkan kelompok sasar di dalam kawasan berisiko tinggi itu dapat memastikan kesinambungan rantai bekalan produk segar kepada pengguna terjamin.

Sementara itu, kalangan pekerja dan peniaga di lokasi berkenaan turut menyambut baik langkah KWP yang disifatkan membantu kurangkan risiko jangkitan COVID-19 selainkekalkan keselamatan lokasi penting dan tumpuan pelanggan.



PEKERJA termasuk peniaga di pasar borong gembira diberi keutamaan mendapatkan vaksin sekali gus mengurangkan risiko jangkitan di pasar.

Sejak dilanda penularan pandemik COVID-19, PBKL telah beberapa kali terjejas operasinya

dan terpaksa ditutup bagi mengelakkan kes jangkitan terus meningkat. **WK**

REAKSI SUKARELAWAN PRIVO



PRIVO merupakan platform buat anak muda untuk sama-sama bantu memerangi COVID-19 dan banyak pengalaman yang saya dapat. Ramai sukarelawan terdiri daripada golongan belia, jadi kita perlu manfaatkannya agar golongan yang berminat dengan aktiviti sukarelawan ini tidak terhenti di sini sahaja."

MUHAMMAD AL HAKIM MOHD ZIN, 27
Jurutera

PENGALAMAN saya sebagai sukarelawan PriVo ialah kami mempunyai kerjasama yang sangat bagus antara pasukan

terutamanya apabila keadaan di mana orang terlalu ramai di pusat vaksinasi. Saya berharap agar PriVo boleh dipromosikan dengan lebih baik agar mendapat penyertaan dari semua golongan masyarakat di luar sana."

ELLENA RAZIF, 30
Peguam

MINAT antara faktor utama saya melibatkan diri dengan sukarelawan PriVo di samping berpeluang turun padang dan melihat sendiri pelbagai reaksi serta mendengar pandangan masyarakat mengenai program yang dilaksanakan. Program

jugaberjalan dengan lancar di mana dengan bantuan sukarelawan."

DATIN LINDA GHAZALI, 38,
Ketua Puteri Umno Bahagian Cheras

SUKARELAWAN PriVo ini hanya untuk membantu melancarkan perjalanan program namun jika ada ruang untuk penambahbaikan saya mencadangkan agar sukarelawan ini diberikan sedikit faedah atau imbuhan meskipun mereka tidak mengharapkan sebarang balasan kerana dilakukan secara sukarela."

ABD RAZAK YAHAYA, 40
Kerani



PROGRAM sukarelawan PriVo ini merupakan satu program yang baik dan bagi saya ia perlu diuruskan secara 'berpangkalan' di mana kita boleh menghubungi sukarelawan yang pernah terlibat untuk program akan datang juga dalam masa sama menguar-uarkan penyebarluasan media sosial kerana saya yakin masih ramai belia dan anak muda yang ingin turut sama-sama membantu namun tidak diberikan peluang."

MOHD YAZID MOHD YASIN, 38
Kerani

KL Shibuya Crossing jamin keselamatan pejalan kaki

AZLAN ZAMBRY

BERTEPATAN dengan hasrat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya mesra pejalan kaki, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memperkenalkan kawasan lintasan pejalan kaki di kawasan segitiga emas Bukit Bintang dengan menggunakan model dari negara matahari terbit, Shibuya Crossing bermula 19 Jun lalu.

Shibuya Crossing yang terletak di bandaraya Tokyo, Jepun merupakan kawasan lintasan pejalan kaki yang sesak dan semua kenderaan dari semua arah akan berhenti bagi memberi laluan kepada pejalan kaki untuk melintas ke semua arah.

Pengaruh Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL, Yu Chuan Hock berkata, kerja menaik taraf tersebut dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, keselesaan dan keselamatan bagi pejalan kaki.

"Kawasan tersebut terkenal sebagai tempat tumpuan pelancong (*tourist hotspot*) dengan rekod jumlah pejalan kaki yang tinggi daripada pelancong luar dan dalam negara.

"Dan kerja naiktaraf tersebut adalah selari dengan hasrat Datuk Bandar, dan kami sentiasa aktif untuk memperkenalkan inovasi dan perubahan baharu dalam usaha meningkatkan sistem perbandaran secara berterusan yang memberi manfaat kepada warga ibukota," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Beliau berkata, pihaknya menggunakan model Shibuya Crossing bagi menaiktaraf laluan pejalan kaki di kawasan tersebut setelah mengkaji banyak model daripada seluruh dunia semasa cadangan Pedestrian Scramble Bukit Bintang dikemukakan.

"Dalam usaha untuk menghasilkan model yang terbaik dan bersesuaian untuk warga ibukota, kami mendapati model tersebut adalah praktikal kerana kawasan tersebut sememangnya padat dengan pejalan kaki dan ia dikelilingi pusat beli belah dan kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong asing.

"Oleh itu, dengan model yang diimplementasi ini dan melalui kajian yang dibuat, ia mampu menyelesaikan masalah pejalan kaki dan seterusnya boleh menjadi model bagi bandaraya lain di Malaysia," katanya.

Chuan Hock berkata, perubahan tersebut dilaksanakan bagi memastikan kemudahan dan keselamatan pejalan kaki lebih terjamin di lokasi terbatit.

"Perubahan ini membolehkan pejalan kaki melintasi jalan ke semua arah secara serentak dan mengoptimumkan waktu melintas sekaligus memberikan kesesuaian dan menjamin keselamatan," katanya.



LINTASAN pejalan kaki di segitiga emas Bukit Bintang dinaiktaraf serupa dengan model Syibuya Crossing yang terkenal di Tokyo Jepun baru-baru ini.

Menurut Chuan Hock, pihaknya telah dibantu oleh pakar perunding yang membuat kajian terperinci serta mengkaji impak perubahan tersebut dengan jangka masa yang menepati keperluan kajian dan pelaksanaan pula dibuat dengan efisyen setelah semua aspek kajian disempurnakan.

"Hasil kajian telah dilaksanakan dalam jangka masa kurang daripada tiga bulan dan kajian ini telah dibantu dengan kehadiran data *realtime* daripada sistem kawalan lampu isyarat pintar.

"Pihak jabatan juga dengan bantuan teknologi seperti sistem lampu isyarat pintar dan kamera litar tertutup (CCTV) akan terus memantau perlaksanaan ini dan menyelaras sewajarnya mengikut keperluan semasa," katanya.

Mengulas lanjut, Chuan Hock berkata hasil kajian di lapangan mendapati segala kesulitan pengguna jalan raya telah dikenalpasti, diambil kira dan langkah-langkah mitigasi termasuk perubahan fasa dan koordinasi lampu isyarat telah diperkenalkan untuk meminimakan impak.

"Logo dan papan tanda untuk pejalan kaki juga dipasang di persimpangan tersebut sebagai petunjuk kepada pejalan kaki. Pihak Jabatan juga dalam proses mengkaji pelaksanaan kempen mengutamakan keselamatan pejalan kaki dengan mengehadkan kelajuan kendaraan dikawasan terpilih di pusat bandar.

"Perkara ini selari dengan hasrat Datuk Bandar kearah menjadikan bandaraya Kuala Lumpur lebih

"Pedestrian Friendly," katanya. Tambahnya lagi, bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang setaraf dengan bandaraya utama di dunia, pihak jabatan sentiasa mengkaji peluang untuk menaiktaraf laluan lintasan di kawasan lain.

"Kita akan melaksanakan kerja menaiktaraf berdasarkan keperluan dan rasional yang tepat dalam usaha meningkatkan sistem pengangkutan bandar secara berterusan," katanya. WK

BAYARAN DALAM TALIAN		
MENGGUNAKAN JOMPAY		
JOMPAY	Biller Code : SEPERTI DI BAWAH Ref-1 : NO AKTAU BEL ANDA Ref-2 : NO TELEFON	DBKL CUKAI TANAH RUMAH JUAL 22046
	“Maaf gunakan BILLER CODE di bawah”	DBKL CUKAI TAKSIRAN 6881
DBKL KOMPAUN TRAFIK	31898	DBKL TAKSA SANG KANCIL 66183
DBKL SEWA PERUMAHAN PA/PPR	47670	DBKL TERIMAAN FELDAI PERUMAHAN 88989
DBKL BIL AIR PA/PPR	27783	DBKL JPPH KOMERSIAL 23390
DBKL CAJ PERKHIDMATAN PA/PPR	57521	DBKL JPPH TANAH 78055
DBKL INSURANS RUMAH JUAL	92619	DBKL JPPH BTR KEDAI 83261
DBKL SEWA LETAK KERETA	32680	DBKL JPPH TAPAK 25411
DBKL SEWA KEDAI PA/PPR	79483	DBKL JPPH KEDIAMAN 75514

SUPPLY : #SayangKL #KualaLumpur #WeLoveKualaLumpur #KLisTopurya #KLisWiseonCOVID19 #KuduKamuSehat #SelamatJalanan Kewangan DBKL

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
nazwinizan@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm886@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Tinggal di sempadan: Mata terlepas badan terkurung!

MENCABAR juga tinggal di kawasan sempadan daerah atau negeri dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Boleh memandang di seberang sempadan tetapi tidak boleh berkunjung. Mata terlepas tetapi badan terkurung!

Hati ingin sahaja merentas kerana sudah biasa berbuat begitu. Teringat kawan bergosip dan minum teh tarik di seberang sana. Rindu berbual politik atau ehwal semasa dan pelbagai topik lain. Namun peraturan tidak membenarkan, kecuali ada permit khas. Kalau setakat untuk berbual, jangan haraplah dapat permit!

Bukan sahaja ditegah merentas sempadan daerah dan negeri, malah disarankan duduk di rumah kecuali jika perlu, misalnya membeli barang keperluan. Yang penting penularan pandemik COVID-19 mestи dibendung.

Barangkali bukan masalah besar bagi mereka yang tinggal di pedalaman daerah atau negeri mematuhi larangan rentas sempadan. Tidak banyak 'cubaan' atau dugaan dihadapi. Hanya jika mahu keluar perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Namun bagi yang tinggal di sempadan daerah atau negeri, perintah larangan ini memang mencabar. Kaki terasa 'gatal' sahaja hendak melangkah melepas sempadan. Maklum melangkah kaki sahaja sudah masuk daerah atau negeri lain. Tambahan jika ada rakan yang biasa minum teh tinggal di seberang sempadan.

Inilah juga cabaran PKP dihadapi oleh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya yang secara umumnya 'dikepung' oleh negeri Selangor. Apakah daya, Kuala Lumpur dan Putrajaya 'lahir' daripada Selangor!

Situasi ini juga dirasai oleh warga Selangor yang tinggal bersempadan dengan Wilayah Persekutuan. Mereka juga rindu untuk memasuki Wilayah Persekutuan tetapi kekangan sama dihadapi.

Sebagai contoh di Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan itu dikelilingi antaranya oleh Cyberjaya, Bangi, Dengkil dan Serdang. Boleh memandang tetapi tidak boleh berkunjung!

Ambil pula contoh warga WPKL yang tinggal di kawasan Gombak atau Wangsa Maju. Sebahagian Gombak adalah dalam WPKL sehingga ke Batu Lima (5) Jalan Gombak. Jalan Taman Ibu Kota adalah sempadan Kuala Lumpur- Selangor.

Oleh itu penduduk sempadan seperti Taman Ibukota, Danau Kota atau Setapak Indah, apabila melangkah kaki melepas Jalan Taman Ibu Kota bererti telah memasuki kawasan Gombak Setia di Selangor. Dari situ boleh ke Greenwood dan Seri Gombak.

Begitu juga di kawasan Wangsa Maju. Melangkah melepas sempadan bererti telah memasuki kawasan Hulu Kelang, Selangor. Terdapat pusat beli belah di Taman Melawati yang kerap menjadi tarikan warga Wilayah, selain kedai makanan yang selalu menjadi tumpuan. Musim PKP ini kenalah tahan diri!

Warga Selangor dari kawasan sempadan juga rindu untuk memasuki Kuala Lumpur, terutama di kawasan Wangsa Maju yang terdapat banyak pusat beli belah dan pasar raya. Namun dalam keadaan sekarang kenalah juga menahan rasa.

Keinginan merentas sempadan seperti biasa mestil dilakukan. Sebarang percubaan merentas bermakna melanggar sekatan PKP. Hukuman berat, termasuk penalti, menanti mereka yang ingkar.

Justeru sekalipun PKP mengekang pergerakan di kawasan sempadan ini, bagi warga Wilayah Persekutuan mereka tetap patuh kepada peraturan ditetapkan, seperti juga warga Selangor 'menahan diri' daripada memasuki Wilayah Persekutuan. Mereka sedar inilah sumbangan kecil membantu negara mengekang penularan COVID-19. Syabas kepada mereka.

INISIATIF
WILAYAH
CAKNA 6.0WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH
PRIHATIN

MENERUSKAN AGENDA PRIHATIN RAKYAT

“

Langkah yang baik kerana banyak IPTS yg terkesan sepanjang tempoh PKP terutama para pelajar yang mengikuti kuliah secara *Online Distance Learning (ODL)* terpaksa membayar yuran secara penuh walaupun berada di rumah. Terima kasih KWP & DBKL atas inisiatif ini dan diharapkan dapat membantu mengurangkan perbelanjaan kos operasi IPTS dan pada masa yang sama mengurangkan yuran pengajian para pelajar.



Muhammad Nazirul bin Rohaizam, 25
Exco Pembangunan Mahasiswa
dan Jaringan Universiti,
GPMS Wilayah Persekutuan.

”

25% REBAT CUKAI TAKSIRAN DBKL 2021 DI WP KUALA LUMPUR



24 INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
SWASTA (IPTS)
RM9.21 juta

Pengecualian hasil kepada DBKL

10% REBAT CUKAI TAKSIRAN DBKL 2021 DI WP KUALA LUMPUR



666 HOTEL



93 PUSAT MEMBELI BELAH
(Kategori tidak berstrata & tidak mendapat elaun kosong)

RM14.3 juta

Pengetulian hasil kepada DBKL

”

Inisiatif ini secara langsung dapat meringankan sedikit beban kepada penggiat-penggiat industri yang terkesan kerana banyak perniagaan terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa. Namun, masih perlu menanggung kos operasi yang tinggi. Dengan adanya inisiatif ini, sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kos-kos perbelanjaan yang lain.

Khairul Rizam bin Dato Abu Samah, 34
Usahawan Muda Wilayah Persekutuan.

”

10% REBAT CUKAI TAKSIRAN PPj 2021 DI WP PUTRAJAYA



BANGUNAN-BANGUNAN
KOMERSIL DAN PERINDUSTRIAN

RM1.51 juta

Pengetulian hasil kepada PPj



Meracun kemiskinan dengan motivasi



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

MENURUT rekod, sehingga Disember 2020 terdapat 46.8 juta orang berstatus jutawan di seluruh dunia.

Media perniagaan tersohor, Forbes pula melaporkan bahawa sehingga bulan Mac 2021 terdapat seramai 2,755 orang billionair di dunia ini dengan lebih separuh daripadanya berada di Amerika Syarikat dan India.

Malaysia turut berada dalam senarai itu, berkongsi tempat ke-25 bersama Norway dan Mexico dengan masing-masing mempunyai 12 orang billionair.

Hanya sebilangan daripada yang berstatus jutawan dan billionair itu mewarisi kekayaan keluarga. Hanya sejumlah kecil yang lahir dengan suku emas.

Kebanyakan yang lain adalah mereka yang bermula dari bawah, bekerja keras sehingga akhirnya melayakkan mereka memperoleh status tersebut.

Di kalangan yang bermula dari bawah itu pula sebenarnya terdapat sejumlah besar yang datangnya dari keluarga miskin, malah miskin tegar.

Berikut beberapa contoh: Bhagwan Gawai, orang ketujuh terkaya di India datang dari sebuah keluarga buta huruf yang merempat di Hanuman Naga, sebuah perkampungan setinggan sesak di Mumbai.

Hos TV terkenal dengan aset dianggarkan melebihi RM10 bilion, Oprah Winfrey datang dari sebuah keluarga di Mississippi yang hidupnya kais pagi makan pagi kais petang makan petang.

Mendiang Steve Jobs pengasas Apple yang meninggal dunia dengan aset lebih RM30 bilion pada tahun 2011 juga dilahirkan dan dibesarkan dalam sebuah keluarga miskin.

Begitu miskin sehingga dia akhirnya terpaksa diserahkan kepada keluarga angkatnya, Paul dan Clara Jobs.

Shahid Khan, pemilik Flex-N-Gate, salah sebuah firma terbesar di Amerika Syarikat dengan aset hampir RM30 bilion merantau dari Pakistan ke Amerika Syarikat dalam keadaan yang boleh dikatakan sehelai sepinggang.

Dia terpaksa bekerja mencuci pinggan dengan gaji AS\$1.20 sejam untuk menampung hidup dan membayai pengajian.

Ramai lagi. Ralph Lauren, J.K. Rowling, Howard Schultz,

“Kerajaan, sebagaimana yang kita ketahui, dan telah beberapa kali saya ulangi dalam tulisan-tulisan saya di akhbar Wilayahku ini, telah, sedang dan akan terus melakukan pelbagai langkah bagi membantu memutuskan rantaian kemiskinan di kalangan rakyat.”

Jackie Chan, Leonardo de Caprio, semuanya adalah orang-orang ‘daif’ yang kemudiannya mencapai kejayaan cemerlang dalam kehidupan masing-masing.

Di Malaysia juga ada beberapa nama yang bermula sama ada sebagai orang biasa, atau sebagai orang miskin tetapi kemudiannya menjadi kaya-raya.

Mendiang Tan Sri Lim Goh Tong, pengasas Genting Berhad bermula sebagai pekebun sayur, Tan Sri Tiong Su Kuok terjun ke dunia perniagaan dengan modal RM3.40 yang diberi oleh bapanya, Tan Sri Syed Mokhtar Bokhari bermula sebagai penjual daging dan peniaga beras.

Datuk Ramly Mokni pengasas Ramly Burger dan Lee Thiam Wah, pengasas ‘99’ Speedmart juga berasal dari kalangan orang susah.

Apakah rahsia kejayaan mereka? Selain takdir tentu sahaja ada faktor lain yang menjadi pemangkinnya. Allah SWT berfirman, bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka” (Surah Ar-Rad:11).

Ayat itu jelas memperlihatkan bagaimana setiap manusia diberikan ‘kuasa’ untuk menentukan nasibnya dengan berbekalkan upaya yang Allah kurniakan sama ada dalam bentuk kudrat, akal fikiran, kesempatan dan sebagainya.

Selain itu ia harus juga diseiringkan dengan keazaman dan keyakinan.

Ini selari dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.” (Surah Al-Insyirah : 5 & 6).

Ben Carson bekas Setiausaha Perumahan dan Pembangunan Bandar Amerika Syarikat (2017 – 2021) dalam satu kenyataannya menyebut ‘cara berfikir yang salah’



KERAJAAN menyediakan pelbagai program untuk membantu orang ramai keluar daripada perangkap kemiskinan.

merupakan satu sebab kenapa ramai orang miskin kekal menjadi miskin.

Kenyataan itu membawa maksud bahawa seseorang yang ‘betul cara berfikirnya’ dan memiliki motivasi yang kuat lebih mudah untuk keluar dari kemiskinan.

Carson tidak bercakap kosong. Ia berdasarkan pengalamannya sendiri yang lahir dalam sebuah keluarga miskin, namun berjaya keluar dari belenggu itu kerana dorongan azam dan tekadnya yang kuat.

Howard Schultz, pemilik Starbucks menceritakan yang ibunya menangis apabila dia memberitahu tentang keputusannya untuk menyertai Starbucks yang ketika itu hanya sebuah syarikat kecil. Kata ibunya, “Syarikat kop? Adakah kamu gila? Siapa yang hendak beli kop?”

Tetapi kata Schultz dia memilih untuk mengikuti dorongan impiannya lalu menyertai syarikat itu sebagai seorang eksekutif rendah sehingga kemudiannya meningkat dari satu tahap ke tahap yang lain, seterusnya menjadi ketua pegawai eksekutif syarikat yang pada tahun 2019 memiliki aset dianggarkan bernilai lebih RM80 bilion itu.

Kuala Lumpur juga sebenarnya telah menyaksikan ramai orang yang berjaya keluar dari kemiskinan.

Tidak sedikit anak-anak settingan atau mereka yang lahir dan membesar di Projek Perumahan Awam yang berjaya mengubah nasib keluarga.

Kita tidak mempunyai rekod mengenainya dan saya berharap suatu masa rekod itu akan ada supaya ia dapat dijadikan motivasi kepada mereka yang belum berjaya dan mahu berjaya.

dorongan yang boleh anda harapkan daripada jiran anda yang sama miskin, atau barangkali lebih miskin daripada anda?

Sumbangan mungkin satu bentuk motivasi, tetapi ia tidak memadai.

Golongan ini tidak hanya memerlukan makanan dan pakaian secara fizikal tetapi juga makanan dan pakaian rohani.

Semangat mereka perlu sentiasa dipupuk dan dibaja sehingga mereka mampu berjuang bersama orang lain.

Kelas-kelas bimbingan tentang pengendalian akaun perniagaan dan bantuan peralatan misalnya tidak memberi cukup manfaat jika tidak disertai dengan bengkel-bengkel atau sebarang bentuk pendekatan lain yang boleh merangsang semangat mereka.

Menyediakan kelas-kelas motivasi percuma seminggu atau dua minggu sekali akan mengubah persepsi dan sikap mereka terhadap hidup.

Mereka harus digembangkan supaya sentiasa mempunyai iltizam untuk berjaya bukannya sekadar mempunyai semangat yang bermusim.

Bagi saya mereka adalah permata yang menanti untuk digilap!

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



ANTARA BERKURUNG DAN TERKURUNG

Berkurung dalam hiba asbab hindari segala petaka berdepan mungkar menerpa diburu kecelaruan jiwa desas-desus melata menambah derita

dalam kesukaran insan terkedu sukma terkurung tanpa sesuatu terpenjara pada kesesakan jitu letih-lesu dipagut nafsu terpaku jumud membisu bosan menikam di bujur waktu

tatkala terkurung dilanda duka berkurung tambah sengsara dilambung ombak kerisauan bersiul mencari rentak rindu di kemuncak sendu akhirnya terlesu ju di perdu.

Oui Bin Sal
Tanah Merah, Kelantan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Labuan: Jauh di mata dekat di hati

JAUH di mata bukan bermakna jauh di hati. Walau jauh namun di hati tetap ingat. Begitulah Wilayah Persekutuan Labuan (WPL). Walau jauh dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya, ia sama sekali tidak dilupakan.

Pembangunan fizikal atau sosio-ekonomi yang dirancang untuk Wilayah Persekutuan (WP) pasti merangkumi Labuan.

Pelbagai perubahan dapat disaksikan di pusat kewangan pesisir pantai itu yang pesat berkembang sejak diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984.

Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik COVID-19 turut menjelaskan sektor ekonomi sehingga menyebabkan ramai kehilangan kerja dan hilang sumber pendapatan. Warga WP, termasuk Labuan tidak terkecuali.

Kerana itu pelbagai bantuan dihulurkan kepada warga Wilayah Persekutuan untuk meringankan beban mereka. Pastinya Labuan tidak ketinggalan.

Adi lihat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang diteraju oleh Tan Sri TPr Annuar Musa, komited menyalurkan pelbagai bantuan untuk warga pulau tersebut.

Terbaru pelaksanaan program Wilayah Cakna 6.0 diumumkan oleh Annuar di Labuan baru-baru ini. Ia menyasarkan bantuan kepada warga pulau tersebut melalui lima inisiatif, daripada bantuan kewangan hingga kepada bantuan makanan.

Adi percaya inisiatif ini telah dirangka untuk memastikan ia menepati sasaran kelompok yang memerlukan.

Pertama, bantuan kepada penghantar makanan (rider) secara sekali dapat atau one-off sebanyak RM300. Sejumlah RM150,000 diperuntukkan untuk 500 penerima.

Peranan rider penting, terutamanya pada musim PKP. Ramai lebih suka membeli barang atau makanan secara online. Rider lah yang menghantar pesanan mereka hingga ke muka pintu.

Kedua, bantuan one-off sebanyak juga RM500 diberikan kepada pengusaha bas mini dan bas sekolah melibatkan 128 penerima dengan peruntukan RM64,000.

Ketiga, bantuan one-off RM500 kepada peniaga belia dengan peruntukan RM50,000. Sejumlah 100 penerima layak mendapat bantuan ini.

Keempat, seperti juga di WPKL, bakul makanan disediakan di Labuan yang merupakan bakul makanan asas



LABUAN walau jauh tetap dikenang dan diberikan perhatian utama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

di lapan (8) lokalkiti hotspot. Sejumlah 18,000 orang layak menerima bantuan dengan peruntukan RM1.65 juta.

Kelima, bantuan one-off RM500 kepada pengusaha teksi, melibatkan 90 penerima dengan peruntukan RM45,000.

Bagi Adi, bantuan yang disalurkan mulai 17 Jun itu menyerlahkan komitmen KWP memastikan kelompok yang terjejas di Labuan tidak dilupakan.

Kesemua inisiatif ini akan memanfaatkan 18,800 penerima dengan peruntukan RM2 juta.

Mengenai program vaksinasi di Labuan, KWP akan berusaha melaksanakan program vaksinasi sehingga 3,000 dos sehari bagi mencapai matlamat imuniti kelompok seawal Julai ini.

Kadar vaksinasi pada masa ini hanya 1,000 dos suntikan sehari dan kerana itu perlu ditingkatkan.

Adi percaya dengan

segala bantuan dan perhatian berat diberi kepada Labuan, khususnya ketika musim pandemik COVID-19 ini, warga Labuan dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa dan tenang dalam situasi yang mencabar sekarang. Labuan, walau jauh tetap dikenang dan disayang.

MENGEJAR SASARAN IMUNITI KELOMPOK

PERINGKAT awal dahulu ramai yang enggan atau takut-takut untuk mengambil suntikan vaksin akibat terpengaruh dengan kempen anti vaksin yang tidak berasas sehingga menimbulkan keraguan di kalangan mereka.

Akibatnya ramai tidak ambil peduli untuk mendaftarkan diri untuk mendapatkan suntikan. Kempen untuk vaksinasi dipandang sepi.

Lebih mendukacitakan, ramai tidak datang ke Pusat Pemberian

“ Namun keadaaan kini sudah berubah. Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sudah difahami dan diterima dengan baik oleh semua kelompok rakyat. Kesedaran untuk mendapatkan vaksin demi melindungi diri dan keluarga semakin tinggi. ”

Vaksin (PPV) walau pun telah mendapat tarikh temu janji.

Perbuatan ini bagi Adi amat tidak bertanggungjawab kerana meyebabkan ramai yang benar-benar ingin disuntik terlepas peluas.

Malah terdapat dalam kelompok yang tidak mahu divaksin ini mempengaruhi yang lain agar tidak mendaftar. Bagi Adi ini perbuatan sabotaj.

Namun keadaaan kini sudah berubah. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sudah difahami dan diterima dengan baik oleh semua kelompok rakyat. Kesedaran untuk mendapatkan vaksin demi melindungi diri dan keluarga semakin tinggi.

Mereka juga sedar pemberian vaksin adalah usaha membantu negara mengekang penularan pandemik COVID-19. Kes baharu masih tinggi setiap hari, begitu juga dengan kematian.

Ini perlu dikekang bagi membolehkan rakyat dan negara kembali ke cara kehidupan normal seperti sebelum pandemik menyerang.

Jelas kempen anti vaksin tidak dapat mempengaruhi mereka lagi. Kerana itu bertali arus mereka mendaftar untuk divaksin daripada pelbagai peringkat umur. Keadaan sama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Malah Adi difahamkan ramai yang datang ke PPV untuk mencuba nasib divaksin walau pun tidak ada temu janji.

Mereka sekadar ingin mencuba dengan harapan jika ada yang tidak menepati temu janji, mereka berpeluang divaksin.

Program imunisasi di WPKL berjalan lancar. Selain pusat vaksinasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan menterinya, Annuar Musa, mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan seramai mungkin warga Wilayah Persekutuan disuntik dalam jangka waktu sepanas mungkin.

Matlamat adalah untuk mencapai sasaran imuniti kelompok di Wilayah Persekutuan menjelang Ogos. Dengan perkembangan yang wujud sekarang, besar kemungkinan matlamat ini akan tercapai.

Dengan penyertaan dan sokongan pihak swasta, pusat

vaksinasi menjadi lebih banyak. Annuar pernah mengumumkan lebih 360 klinik swasta diberi izin untuk menjadi pusat suntikan dan ini sedang berjalan sekarang.

Klinik swasta ternama, juga hospital ternama seperti Princecourt dan Tawakal juga kini merupakan pusat pemberian vaksin.

Pastinya ini membantu mempercepat program pemvaksinan dan sokongan kuat kepada beberapa pusat pemvaksinan mega seperti Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (Mitec) dan Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Ini belum termasuk inisiatif yang dijalankan oleh KWP menggerakkan trak MYMedic@ Wilayah menjadi pusat saringan dan pemberian vaksin.

Dalam keadaan biasa, trak-trak ini digunakan untuk memberikan khidmat kesihatan kepada para penduduk di kawasan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Perumahan Awam (PA) dan kampung tradisi.

Adi yakin dengan menggerakkan trak sebagai pusat vaksinasi bergerak bukan sahaja membolehkan lebih ramai divaksin tetapi juga mempermudah golongan sasar di PPR atau PA menerima vaksin. Tidak perlu ke pusat vaksin, trak vaksin akan datang kepada mereka.

Mudah bukan! Justeru jangan lepaskan peluang. Ambillah suntikan vaksin apabila giliran sampai.

- Adi Tuah

Adi Tuah

MAKLUMAN AWAM

1/2 BAGAIMANA VAKSIN BERFUNGSI?

APA ISI KANDUNGAN VAKSIN?

BERAPA DOS DIPERLUKAN?

JADI, TUBUH AKAN

Sumber : Pertubuhan Kesehatan Dunia (WHO)

Diterbitkan : 23 Jun 2021 Infografik Bersama

SAJAK

DI SEBALIK TINTA BICARA

Pandangku tembus membelah awan cakerawala berputar pada paksinya langit masih utuh melindungi

Gunung tersergam megah diselaputi kabus dingin mengusap lembut wajah sesekali membawa khabar angin

Menerjah dalamnya samudera khazanah laut belum diteroka kewajipanku berceritera pada benar bukan dusta

Aku himpunkan aksara, menyusun rentak tari nyanyian diksi biar selari walau bertelingkah antara manusia juga dunia aku harus berani

Sujata Wee
Wakaf Baru, Kelantan

Solat tahajud dan hafaz Al-Quran jadi amalan sejak tingkatan dua

Anak angkat YWP peroleh 8A SPM

AINI MAWAWI

SOLAT tahajud hampir setiap malam merupakan kunci kejayaan Qsara Aishah Jefri, 18, dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Dia yang merupakan salah seorang penerima Skim Biasiswa Anak Angkat Pelajar Cemerlang Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) peraya sebagai seorang muslim, perlu mendekatkan diri dengan Sang Pencipta.

"Jika sudah berusaha sedaya upaya maka tawakal kepada Allah dan biar Dia yang menentukannya," ujar pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Furqan, Sentul yang memperoleh 8A dalam kesemua mata pelajaran yang didudukinya.

Kongsinya kepada Wilayahku, dia mula mengerjakan solat tahajud sebagai salah satu rutin wajib sejak berada di tingkatan dua lagi selain bangun seawal pukul tiga pagi un-



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

tuk membaca buku.

"Kalau di asrama biasanya memang kena bangun awal untuk tunggu giliran ke bilik air. Sambil menanti giliran, saya gunakan masa yang ada untuk membaca buku seketika sebab waktu pagi otak pun masih segar."

Kemudian selepas mandi baru saya akan mula menghafal ayat Al-Quran memandangkan saya turut mengambil mata pelajaran Al-Quran dan Al-Sunnah dalam SPM," ujar anak bongsu daripada empat orang adik-beradik ini.

Pun begitu, dia turut mengakui antara perkara yang penting untuk berjaya adalah perlu fokus ketika sesi pembelajaran di dalam kelas.

"Saya bukanlah seorang pelajar yang terlalu memaksa diri untuk belajar namun tidak dinafikan se-



QSARA (kanan) bersama keluarga.

tiap kali guru mengajar, saya akan memberi tumpuan seratus peratus. Itu yang paling penting," ujar anak kepada pelukis draf ini.

Turut berterima kasih kepada YWP atas bantuan biasiswa yang diterima sejak tingkatan satu la-

tersebut saya dapat gunakan untuk membeli buku-buku teks dan kelengkapan lain," ujarnya.

Dia yang bercita-cita untuk menyambung pelajaran dalam jurusan Sains Komputer berharap agar calon-calon SPM akan datang sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk menggembirakan keluarga.

"Kejayaan kita merupakan anugerah yang tidak terhingga kepada kedua orang ibu bapa. Sudah semestinya mereka mahu lihat anak yang mereka sayang berjaya. Sebagai anak, kita harus memberikan yang terbaik," ujarnya lagi.

Terdahulu, Qsara merupakan antara pelajar cemerlang yang memperoleh 8A+ dalam mata pelajaran Sejarah, Tasawwur Islam, Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah serta A dalam Bahasa Melayu, Matematik, Sains semestara A- bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. **WK**

FDAM rayu vaksinasi berkelompok untuk industri kreatif

NAZWIN NAZRI

PERSATUAN PENGARAH FILEM (FDAM) merayu supaya program imunisasi berkelompok turut dilaksanakan ke atas penggiat industri kreatif.

Presidennya, Dr Ahmad Ibrahim berkata, walaupun industri kreatif tidak disenaraikan sebagai perkhidmatan penting, namun pertimbangan perlu diberikan kepada golongan terabit kerana mereka turut menyumbang kepada usaha menangani pandemik COVID-19 sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Katanya, penggiat industri ter-

diri daripada semua pekerja yang terlibat dalam bidang penerbitan drama, filem cereka, iklan, dokumentari dan berita sama ada di stesen penyiaran mahupun dengan syarikat persendirian.

"Sudah sewajarnya kami ini dilibatkan sama dalam program imunisasi berkelompok kerana kami juga boleh dianggap sebagai kumpulan barisan hadapan. Kami terus bekerja untuk menghasilkan program baharu terutama bagi mempromosi usaha kerajaan menangani pandemik COVID-19," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Ahmad berkata, sepanjang tem-

poh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ini, penonton televisyen tidak boleh lagi disinggok dengan program ulangan yang lambat laun akan membosankan mereka.

"Stesen perlu menyiarkan program baharu sama ada drama, hiburan atau dokumentari terutama yang membawa mesej berkaitan COVID-19. Walaupun stesen televisyen boleh menerbitkan sendiri program mereka, ia tidak mencukupi. Banyak program perlu diperoleh daripada luar terutama drama dan iklan.

"Dalam keadaan tanpa vaksinasi, pasti sukar bagi stesen atau

penerbit luar untuk membuat dan membekalkan program baharu kerana risiko jangkitan akan berlaku dalam kalangan pekerja yang tidak diberi vaksin," tambahnya.

Ahmad turut menyokong gesaan Persatuan Penerbit Filem Malaysia dan Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia yang menghadapi isu pelanggaran kontrak dengan stesen penyiar kerana kegagalan membekalkan program dalam tempoh waktu yang ditetapkan.

"Walaupun pihak stesen dan penerbit seperti FINAS sendiri telah menyatakan akan memberi pertimbangan dalam hal pembekalan dan pinjaman atau pendanaan,

penerbit juga mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi kontrak yang termetrai antara mereka dengan stesen penyiar dan pembiaya," jelasnya.

Namun, katanya, isu paling utama adalah kelangsungan hidup para penggiat industri yang bergantung seratus peratus kepada kerja penerbit sebagai mata pencarian utama.

Menurut Ahmad lebih 90 peratus daripada mereka adalah karyawan bebas yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau imbuhan lain seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500



8,000 kotak pelitup muka diedar secara pandu lalu



AINI MAWAWI

BAGI menunjukkan tanda sokongan terhadap usaha keras kerajaan menangani wabak COVID-19, Perbadanan Putrajaya (PPJ) mengambil langkah menjayakan usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan mengedarkan 8,000 kotak pelitup muka kepada komuniti.

Usaha murni tersebut juga merupakan salah satu teras utama konsep Wilayah Prihatin bagi memperkasakan peranan komuniti dalam menangani COVID-19.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Komuniti Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPJ, **Rosli Abdul Talib**, objektif utama usaha tersebut bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19 di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

"PPJ bertindak memanjangkan usaha KWP yang peka terhadap



KAKITANGAN PPJ bertungkus lumus memindahkan kotak ke dalam kenderaan penerima.



BARANGAN diserahkan secara pandu lalu.

keadaan semasa sekali gus memastikan kesejahteraan komuniti serta masyarakat

terpelihara.

"Untuk itu, sejumlah 8,000 kotak pelitup muka berjaya diserahkan kepada komuniti Putrajaya secara pandu lalu bertempat di Kompleks PPJ, pada Selasa.

"Ia diedarkan kepada wakil-wakil Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, Persatuan Penduduk, Persatuan Warga Emas, Persatuan Orang Kurang Upaya, wakil-wakil sekolah kebangsaan dan menengah di Putrajaya.



"Alhamdulillah semuanya berjalan lancar dan diharap ia memberi manfaat yang besar kepada komuniti dalam usaha memerangi wabak ini," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Dalam masa sama, Rosli berharap perkara tersebut menjadi ikutan organisasi swasta, badan-badan korporat mahupun individu persendirian untuk terus menyumbang apa sahaja yang dirasakan perlu dalam situasi negara berperang dengan wabak ini.

"Kerjasama daripada semua pihak amatlah penting. Jika kita bersatu hati di saat getir pasti kita akan memperoleh kemenangan di akhir nanti," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, menurut Rosli, selain pengedaran pelitup muka, PPJ juga turut melaksanakan beberapa program meliputi pelbagai aspek sosial, agama, sukan dan kesihatan dengan mengikut prosedur

operasi standard (SOP) yang ketat.

"Antaranya kita turut menganjurkan Pertandingan Video Kawalan Kendiri COVID-19 Komuniti Putrajaya, taklimat serta forum atas talian antaranya Pengurusan Stress, 30 minit Komuniti Sihat, Forum Tanyalah Doktor, Bacaan Yasin Perdana MPPWP dan sebagainya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tidak terkecuali juga aktiviti pemasangan kain rentang dan edaran risalah turut digerakkan oleh MPPWP bagi meningkatkan lagi kesedaran berhubung program vaksinasi dan COVID-19. **WK**



SEBAHAGIAN kotak yang mengandungi pelitup muka.

Perbadanan Putrajaya anjur bacaan Yasin secara maya mohon perlindungan

MENDEPANI pandemik COVID-19 yang masih tidak berkesudahan, Perbadanan Putrajaya (PPJ) mengambil inisiatif mengajurkan Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan

Tadabbur Surah Yasin Peringkat Putrajaya secara maya.

Program julung kali yang bakal diadakan pada 1 Julai 2021 ini turut

mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), masjid-masjid serta surau-surau di Putrajaya.

Menurut Ketua Pegawai Muda PPJ, **Faridz Amlie Shaharudin**, program yang diadakan tepat pukul 7.45 malam bertujuan memohon perlindungan daripada Allah SWT agar Malaysia serta Putrajaya khususnya diakhiri segera daripada pandemik COVID-19.

"Program ini juga secara tidak langsung turut mendoakan kesejahteraan kepada para barisan hadapan serta diberi kekuatan untuk terus berjuang mendepani pandemik demi kesembuhan pesakit," ujarnya.

Katanya lagi, program bacaan yasin yang dipancarkan melalui laman Facebook PPJ dan JAKIM bakal dipimpin oleh Imam Besar Masjid Putra, Ikmal Zaidi Hashim.

"Sejurus selesai bacaan yasin, imam juga akan memberi kefahaman tentang maksud surah yasin secara terperinci supaya semua memahami dengan lebih jelas maksud surah tersebut," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, diharapkan orang ramai dapat turut serta bersama-sama menjayakan program bacaan yasin tersebut di rumah masing-masing.

"Kita amat mengharapkan agar masyarakat di luar



terutamanya komuniti Putrajaya sendiri tidak ketinggalan untuk turut serta. Dalam masa yang sama, program bacaan ini juga bakal disertai oleh Masjid Negara," ujarnya yang tidak menolak kemungkinan besar program ini akan dianjurkan lagi pada masa akan datang. **WK**

200 kakitangan awam terjejas terima bantuan

CAKNA. Tidak dinafikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bukan sahaja menjelaskan mereka yang bekerja sendiri bahkan penjawat awam juga turut merasai hal yang sama.

Bagi meringankan beban mereka terutamanya penjawat dalam golongan B40, Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) dengan kerjasama Koperasi Putrajaya Nasional Berhad (KOPNAS) berganding bahu menyalurkan sumbangan berupa keperluan asas kepada keluarga yang terpilih.

Program sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian Musaadah YADIM 3.0.

Pelaksanaannya memberi sinar kegembiraan buat 200 buah keluarga terlibat di sekitar Presint 9 dan Presint 16, Putrajaya.

Selain golongan B40, pesakit kronik serta warga emas juga turut menerima bantuan tersebut.

Terdahulu, sumbangan disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal



ANTARA keluarga terjejas yang menerima bantuan.

Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam sebuah majlis ringkas.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, Tuan Kamarul Arief Tuan Soh; Timbalan Pengerusi KOPNAS, Mohd Zushaidey Zulkifli dan Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Bakti YADIM, Abdul Qaiyum Aris. **WK**

Jihad melawan kemiskinan bandar di Malaysia



SARFARIZMAL SAAD

Setiausaha Agung
Pertubuhan Aktivis
Bela Tanah Air (ABATA)

SEBUT saja bandar, sudah tentu terbayang difikiran kita akan kepadatan penduduk dan dianggap ‘lubuk emas’ – tempat ramai orang berikhtiar mencari rezeki.

Ada juga yang berpendapat, ketamadunan manusia juga lahir dari bandar-bandar besar di sebuah negara.

Rasulullah SAW sendiri menunjukkan pedoman kepada kita bagaimana dalam membuat perubahan kepada kualiti hidup, kita harus melakukan penghijrahan ke bandar.

Justeru, dari Kota Mekah, Baginda Rasulullah SAW telah melakukan perpindahan ke Kota Madinah.

Sudah pasti asas penghijrahan Rasulullah SAW dan umat Islam pada waktu itu tidak sama dengan kita.

Mereka berhijrah demi mengembangkan syiar Islam atas amanah Allah yang diberikan.

Kita pula kenapa berhijrah dari luar bandar ke bandar?

Sudah tentu majoriti jawapannya untuk mendapatkan kekayaan yang lebih, baki wang dalam akaun bank berpuluhan ribu, punya kereta mewah yang popular dan gaya hidup yang menarik minat orang lain.

Jika hidup di kampung mustahil untuk kita dapat semua itu.

Begitulah skrip jawapan kebanyakkan orang kita apabila



KADAR kemiskinan nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan bagi satu isi rumah pada tahun 2019, dengan kadar kemiskinan ialah 5.6 peratus atau seramai 405,441 isi rumah yang miskin.

ditanya kenapa mereka berhijrah dari luar bandar ke bandar.

Sedikit sangat yang menjawab untuk mencari ilmu, berdakwah dan mencari sebuah kualiti hidup yang lebih baik dalam konteks rohani.

Sadisnya, kehidupan di bandar tidak indah bagi dikabar.

Prihatin, kasih sayang, tolong menolong, kekitaan, kekeluargaan, keakraban dan sopan santun agak mustahil ditemui dalam kehidupan berbandar.

Jika anda terjumpa semua perasaan itu, jadikan ia sebuah pengalaman yang tak perlu dilepaskan sampai bila-bila. Jagalah ia sehabis baik.

Apa yang kebanyakan orang kita alami ketika hidup di bandar ini lebih kepada kekasaran, kerisauan, ketidakpedulian,

kekejaman dan kemiskinan.

Paling menggusarkan adalah tentang kemiskinan bandar. Sejak merdeka sehingga sekarang, isu kemiskinan luar bandar sentiasa menggambit minat para penghuni bandar.

Namun ia seolah-olah sepi dari perbincangan dan tindakan pihak-pihak berwajib pada waktu dahulu.

Apatah lagi ketika negara kita diserang pandemik COVID-19 ini, jumlah kemiskinan bandar makin menjadi-jadi.

Bukan salah sang pemerintah, tapi begitulah hukum ekonomi apabila kurangnya permintaan, maka menurunlah pengeluaran.

Ini mengakibatkan proses penciptaan kekayaan semakin mengecil.

Berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM),

kadar kemiskinan di negara ini meningkat tiga peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 2019, kadar kemiskinan adalah 5.6 peratus, anggaran menyatakan bahawa dengan Covid-19 mungkin naik tiga peratus menjadikan 8.6 peratus.

Menerusi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baru yang menggunakan kaedah pelbagai dimensi (MPI), kadar kemiskinan nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan bagi satu isi rumah pada tahun 2019, dengan kadar kemiskinan ialah 5.6 peratus atau seramai 405,441 isi rumah yang miskin.

Metodologi pengiraan PGK kali terakhir dikemaskini pada 2005 dan PGK pada 2016 adalah sebanyak RM980 sebulan bagi satu isi rumah.

Malah statistik mencatatkan pengangguran dalam kalangan ketua keluarga meningkat sekali ganda daripada tujuh peratus pada September 2020 kepada 15 peratus pada Disember lalu, manakala satu daripada tiga orang dewasa dalam isi rumah yang mengambil bahagian masih menganggur, berdasarkan laporan ‘Families on the Edge’.

Kadar kemiskinan dalam kalangan semua keluarga ini kekal tinggi pada 42 peratus meskipun mendapat bantuan kerajaan bagi meringankan beban mereka sepanjang tempoh itu dan kemiskinan lebih ketara dalam kalangan wanita serta OKU yang menjadi ketua keluarga (55 peratus) dengan satu daripada dua dan enam

daripada 10 keluarga hidup dalam kemiskinan.

UNICEF berkata, kadar kemiskinan dalam kalangan keluarga diketuai wanita meningkat daripada 47 peratus pada September 2020 kepada 61 peratus pada Disember 2020 dan trend sama berlaku dalam kalangan keluarga diketuai OKU dengan lebih separuh (55 peratus) adalah miskin tegar, manakala hampir semua hidup dalam kemiskinan relatif (98 peratus).

Justeru kerajaan perlu lebih serius dalam berjihad melawan miskin khususnya di bandar-bandar besar dalam negara kita.

Seharusnya satu jabatan kerajaan yang khusus berperanan dalam melawan musuh miskin bandar ini perlu dirangka dengan kapasiti bajet kewangan yang besar perlu diwujudkan.

Seterusnya ia diletakkan di mana-mana kementerian yang khusus, sebagai contoh Kementerian Kewangan (MOF) atau Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KWKM) atau penghujudan semula Kementerian Kesejahteraan Bandar.

Sekadar mengambil contoh fungsi dan usaha yang digerakkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang cukup prihatin terhadap masyarakat bandar.

Namun ia sekadar terhad kepada mereka yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sahaja. Persoalannya, bagaimana pula dengan masyarakat bandar di selain tiga bandar berkenaan?

Disamping kita ucapan syabas buat KWP kerana terus mengerakkan pelbagai inisiatif prihatin kepada masyarakat bandar khususnya yang berstatus miskin, kita juga wajar bersa simpati terhadap mereka yang berstatus sama di bandar-bandar besar lain.

Kerjasama mengenai bandar raya pintar Malaysia-UK

MALAYSIA dan United Kingdom (UK) hari ini bersama melancarkan buku panduan bertajuk “Smart City Handbook: Malaysia” bagi memupuk kolaborasi dan kerjasama dalam aspek pembangunan bandar raya pintar antara dua negara.

Buku panduan itu menggariskan beberapa aspek landskap bandar raya pintar di seluruh Malaysia di samping menampilkan contoh kepakaran serta projek-projek bandar raya pintar UK.

Bercakap di majlis pelancaran, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Zuraida Kamaruddin berkata buku panduan itu juga menyenaraikan cadangan-cadangan mengenai bagaimana cara dan di mana syarikat-syarikat UK boleh membantu Malaysia dalam menguruskan serta menyelesaikan pelbagai isu dalam membangunkan bandar raya pintar dan lestari.

Turut mengikuti majlis pelancaran yang diadakan secara maya itu ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Charles Hay.

Dalam ucapan pembukaannya Zuraida berkata kerajaan Malaysia komited untuk mengubah bandar raya di Malaysia menjadi bandar raya pintar dan lestari, yang merupakan agenda nasional yang utama.

Beliau berkata Kerangka Kerja Bandar Raya Pintar Malaysia yang dilancarkan pada Sept 2019, bertindak sebagai garis panduan dan rujukan nasional, terutama bagi bandar raya dan pihak berkuasa tempatan serta lain-lain pemegang taruh yang berkaitan dalam membangunkan serta melaksanakan inisiatif bandar raya pintar.

Katanya bandar raya seperti Kuala Lumpur, Johor, Putrajaya, George Town dan Kota Kinabalu telah melaksanakan pelbagai inisiatif bandar raya pintar, dan beberapa inisiatif itu dilaksanakan menerusi kerjasama dengan negara luar seperti UK serta pertubuhan antarabangsa seperti The United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) dan Mott MacDonald sebagai rakan penyampai.

Zuraida berkata Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan (KPPT) akan bekerjasama rapat dengan semua pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dan akan menjadi fasilitator kepada pelaksanaan bandar raya pintar, di samping menyampaikan maklumat berhubung peluang-peluang yang terdapat dalam negara untuk pembangunannya.

“Dalam perkara ini, KPPT ingin mencari rakan kerjasama strategik serta peluang-peluang pelaburan bagi membantu dalam pembentukan bandar raya pintar,” katanya.

Sementara itu Hay berkata Malaysia dan UK memiliki hubungan kerjasama dua hala yang lama serta akrab, dan pelancaran buku panduan hari ini adalah contoh terbaik dalam kerjasama moden, yang ditingkatkan bagi menggambarkan usaha menghadapi cabaran-cabaran baharu, terutama dalam



menggunakan teknologi-teknologi baharu.

“Urbanisasi sedang berlaku dengan pantas di seluruh dunia, kita memiliki pengalaman luas untuk dikongsi terutama dalam bidang kreatif seperti inovasi, teknologi digital, Internet of Things (IoT) dan kecerdasan buatan,” katanya.

Beliau berkata UK sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pembangunan di Iskandar Malaysia dan Melaka di bawah program ‘Prosperity Fund Global Future Cities Programme 2019 – 2022’ UK.

Imuniti kelompok strategi penyelamat

KETIKA pandemik COVID-19 masih menghantui dunia, imuniti kelompok dilihat sebagai penyelamat untuk mengkekang penularan koronavirus maut ini dan diharap dapat memberi kebebasan untuk kembali kepada kehidupan normal.

Malaysia yang sebelum ini menasarkan populasi seperti warga tua dan Orang Kurang Upaya (OKU) memutuskan untuk fokus kepada imuniti kelompok selepas beberapa minggu pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (Pick).

Namun, banyak halangan yang perlu ditangani termasuk keengganan sesetengah orang untuk mengambil vaksin serta kemungkinan mutasi koronavirus membuat vaksinasi sebagai sia-sia.

Sebagus mana Malaysia berjaya menangani cabaran ini akan menentukan setakat mana penduduk di negara ini dapat menjalani kehidupan normal.

Sebelum itu, apa yang dimaksudkan dengan imuniti kelompok? Mengapa kita memerlukannya?

Dr Megat Mohamad Amirul Amzar Megat Hashim, ahli jawatankuasa eksekutif, Kempen Medical Mythbusters Strategic Planning Vaccination, mengibaratkan imuniti kelompok sebagai satu set payung.

Beliau menggambarkan, mereka yang menerima vaksin, atau dijangkiti dan pulih kemudiannya, sebagai orang yang memakai payung. Koronavirus itu adalah hujan.

“Jika jumlah orang yang secukupnya membuka payung mereka, tak perlu semua orang, tetapi semua akan dilindungi daripada dibasahi hujan.

“Dalam perkataan lain,



IMUNITI kelompok bergantung kepada peratus populasi yang sudah divaksinasi. Peranan sukarelawan penting untuk membantu mempercepatkan pemberian vaksin kepada masyarakat.

sekiranya kita mencapai ambang tertentu imuniti dalam komuniti, sebagai contoh, 70 hingga 80 peratus populasi divaksinasi, perlindungan ini boleh merangkumi 100 peratus komuniti,” tambahnya.

Untuk sampai ke ambang itu perlu menempuh pelbagai kesukaran.

Malaysia meletakkan sasaran mencapai vaksinasi sehingga 80 peratus populasi atau sekitar 24 juta menjelang Februari 2022.

Ini bermakna hampir semua orang dewasa dan kanak-kanak di atas umur 12 tahun di negara ini perlu divaksinasi.

Sasaran ini nampak seperti cita-cita besar. Apakah imuniti kelompok ini hanya satu impian?

Pakar kesihatan positif ianya boleh dicapai dan Malaysia akan dapat mencapai imuniti kelompok

tetapi persoalannya ialah bila?

Menurut **Profesor Madya Dr Rafdzah Ahmad Zaki**, pakar perubatan kesihatan awam di Universiti Malaya, vaksinasi perlu dilaksanakan secepat mungkin bagi menjamin imuniti kelompok bukan sesuatu yang mustahil untuk dicapai.

“Imuniti kelompok bergantung kepada peratus populasi yang sudah divaksinasi. Lagi cepat kita capai liputan tertinggi, lagi pantas kita capai imuniti. Jadi ia bergantung kepada jumlah vaksin yang ada serta proses pengedaran,” katanya.

Di sebalik beberapa masalah di peringkat awal, Malaysia kini berada di landasan yang betul untuk mengatasi tarikh akhir Februari 2022.

Untuk 7 Jun hingga 13 Jun, purata lebih 130,000 dos vaksin

diberi setiap hari.

Ia mencapai rekod 215,876 suntikan pada 15 Jun dan dilihat dapat mencapai sasaran purata harian 300,000 menjelang hujung Ogos 2021.

Penghantaran dua dos vaksin Pfizer/BioNTech, AstraZeneca/Oxford University dan SinoVac mencukupi untuk memberi dos penuh kepada lebih 100 peratus populasi, kini lebih konsisten.

Malaysia juga merancang untuk membeli vaksin satu dos vaksin CanSino dan Johnson&Johnson (J&J).

Dalam masa yang sama, terdapat kerisauan kadar pendaftaran vaksinasi (59.1 peratus setakat 15 Jun, hampir lima bulan selepas Pick dilancarkan), mungkin berpunca daripada keengganan sesetengah orang untuk divaksin.

Perkara ini mendapat perhatian berat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang baru-baru ini menyuarakan idea menjadikan vaksinasi sebagai mandatori.

Bagaimanapun, jika dilihat daripada sambutan orang ramai untuk divaksinasi, kadar pendaftaran yang dibangkitkan tadi mungkin tidak tepat.

Menurut kajian global oleh National Library of Medicine National Institutes of Health, Amerika Syarikat, Malaysia adalah antara negara yang mencatat kadar penerimaan vaksin COVID-19 tertinggi di dunia iaitu 94.3 peratus.

Kebimbangan mengenai COVID-19 dalam kalangan anggaran 74 peratus rakyat Malaysia oleh IPSOS mungkin juga sebab mencetuskan minat untuk vaksinasi.

Contohnya, program pemilihan vaksin AstraZeneca/Oxford University yang mendapat sambutan hangat, di sebalik

laporan berlaku darah beku dalam kalangan mereka yang mengambil vaksin ini.

Sekiranya dapatkan kajian ini benar, besar kemungkinan Malaysia dapat mencapai sasaran imuniti kelompok, jika pun ada golongan yang enggan untuk divaksinasi.

Isu yang perlu diberi perhatian dan dianggap cabaran terbesar ialah akses kepada vaksin.

Untuk menangani perkara, kerajaan membuka lebih banyak lapangan vaksinasi di kawasan bandar di samping menggunakan Pusat Komuniti, kesihatan dan agama.

Ribuan diberi vaksin termasuk menerusi kaedah pandu lalu dan unit bergerak.

Dalam masa yang sama, sesetengah komuniti di Malaysia diancam kemungkinan diketepikan. Memandangkan kebanyakan vaksin COVID-19 memerlukan suntikan dua dos, komuniti yang sukar dijangkau seperti migran dan Orang Asli.

Vaksin satu dos yang baru-baru ini diluluskan kerajaan, dilihat dapat membantu proses vaksinasi untuk mereka di kawasan pedalaman, tetapi migran yang tidak mempunyai dokumen, pelarian dan golongan tidak bernegara, mungkin tidak dapat tampil untuk divaksin kerana risiko ditangkap.

Menteri Penyelaras Pasukan Petugas Imunisasi COVID-19 (CITF), Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebelum ini memberi jaminan perlindungan untuk mana-mana migran yang tampil untuk mendapatkan suntikan vaksin.

Menurut beliau, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta organisasi antarabangsa membantu kerajaan Malaysia untuk usaha berkenaan.

Pelita Bahasa: Kesilapan penggunaan adalah dan ialah

KATA pemeri ialah dan adalah merupakan kata tugas yang tergolong sebagai kata prafrasa. Kata pemeri ialah digunakan untuk menunjukkan persamaan dan hadir di hadapan frasa nama, manakala adalah menunjukkan huraihan dan hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Contoh-contoh yang dapat dilihat daripada penggunaan kedua-dua kata pemeri ini adalah seperti berikut :

1). Kesilapan penggunaan kata adalah di tempat ialah
Contoh:

Anak adalah anugerah Allah. (Salah)
Anak ialah anugerah Allah. (Betul)

Pak Mat adalah orang yang pertama meneroka kawasan itu. (Salah)
Pak Mat ialah orang yang pertama meneroka kawasan itu. (Betul)

Matlamat AMAN adalah pembinaan

masyarakat sejahtera. (Salah)
Matlamat AMAN ialah pembinaan masyarakat sejahtera. (Betul)

2) Kesilapan penggunaan kata ialah di tempat adalah
Contoh:

Majalah ini ialah untuk kaum wanita sahaja. (Salah)

Majalah ini adalah untuk kaum wanita sahaja. (Betul)

Persembahan itu ialah baik. (Salah)
Persembahan itu adalah baik. (Betul)

3) Kesilapan penggunaan kata adalah di hadapan kata kerja.
Contoh:

Matlamat utama syarikat ini adalah membantu para golongan muda. (Salah)
Usaha yang dijalankan adalah menerbitkan risalah. (Salah)

Matlamat utama syarikat ini adalah untuk membantu para golongan muda. (Betul)
Usaha yang dijalankan adalah dengan menerbitkan risalah. (Betul)

4) Kesilapan penggunaan kata adalah pada awal ayat.
Contoh:

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa... (Salah)

Dengan ini dimaklumkan bahawa... (Betul)

Adalah dimaklumkan bahawa... (Salah)

Dengan ini dimaklumkan bahawa... (Betul)

5) Kesilapan penggunaan kata adalah dan kata kerja
Contoh:



Keputusan ini diambil adalah berdasarkan... (Salah)

Keputusan ini diambil berdasarkan... (Betul)

Para pelajar adalah dipelawa memohon... (Salah)

Para pelajar dipelawa memohon... (Betul)

Kesimpulannya, kata pemeri adalah hanya boleh diikuti oleh kata sendi nama dan kata adjektif yang bersifat huraian sahaja, manakala kata pemeri ialah hanya boleh diikuti oleh kata nama atau frasa nama. Sebaliknya, kata kerja atau frasa kerja tidak perlu didahului oleh kata pemeri, sama ada ialah atau adalah.

Teruskan usaha capai seratus peratus imuniti kelompok



ANNUAR beramah mesra dengan peniaga pasar borong yang menunggu giliran untuk mendapatkan vaksin.



NAZIRUL ROSELAN

SEHINGGA kini hampir 500,000 dari 1.3 juta warga Kuala Lumpur telah menerima dos pertama vaksin dari Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan dalam Program Vaksin Bergerak yang dilancarkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Kawasan yang berisiko seperti Pasar Borong, Perumahan Awam (PA), Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan kawasan tapak pembinaan diberi keutamaan untuk divaksinkan dalam Program Vaksin Bergerak ini.

Dengan adanya sukarelawan PriVo yang banyak membantu kelancaran program ini, Wilayah Persekutuan mampu menjadikan wajah terawal yang menerima vaksin COVID-19 melebihi 80 peratus sebelum September ini.

Harapan warga kota untuk hidup kembali dengan sosial masyarakat dan ekonomi seperti sebelum berlakunya COVID-19 begitu tinggi. Semoga ia akan tercapai selepas warga Wilayah Persekutuan keseluruhannya menerima vaksin. **WK**



PENIAGA Pasar Borong Kuala Lumpur menunggu giliran untuk divaksin.



ANNUAR bermesra dengan warga emas yang menunggu giliran mendapatkan vaksin di Kampung Padang Balang, Gombak.



PROSES pemberian vaksin kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



SUKARELAWAN membantu melancarkan proses pendaftaran pada penduduk yang menerima vaksin.



GELAGAT orang ramai yang selesai menerima suntikan vaksin.
Bini, Lindungi Semua.



Saya telah
DIVAKSIN

#Vaccinated

SAYA TELAH
DIVAKSIN
BERSAMA HENTIKAN
WABAK COVID-19

LINDUNGI DIRI, LINDUNGI SEMUA.

Stres, bunuh diri semakin membimbangkan

- Aeril, Wawa



DEEL ANJER

BARU-BARU ini kita dikejutkan dengan kes seorang suami yang mengalami tekanan perasaan mengurung isteri dan dua anak mereka.

Lelaki yang kehilangan pekerjaan sebagai jurujual kereta sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu itu, dipercayai murung dan stres dengan masalah yang sedang dihadapi.

Bukan itu sahaja, dilaporkan sebanyak 266 kes bunuh diri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak Mac tahun lalu, demi mengekang penularan COVID-19.

Bebanan hutang yang tinggi selepas hilang pekerjaan dan masalah keluarga menjadi punca utama seseorang nekad untuk membunuh diri.

Pasangan selebriti popular, **Aeril Zafrel**, 32 dan **Wawa Zainal**, 30, turut berasa bimbang dengan situasi yang berlaku sekarang.

"Masalah stres dan kes bunuh diri ini amatlah membimbangkan. Ia ketara dilihat berlaku apabila PKP dilaksanakan.

"Saya nak bercakap lebih-lebih pun, kami bukanlah pasangan yang sempurna. Namun

apa yang kami amalkan untuk mengelakkan stres dalam rumah tangga adalah sentiasa merancang aktiviti bersama.

"Kena buat aktiviti di rumah walaupun agak terhad disebabkan kita tengah *lockdown*. Cari aktiviti yang boleh mengembalikan momen-momen indah suami isteri.

"Contohnya kemas rumah sama-sama, tonton filem sama-sama dan sebagainya. Bukan sahaja suami isteri, tetapi juga melibatkan anak-anak. Barulah meriah.

"Pada waktu petang, kami bawa anak pusing-pusing kawasan perumahan. Kemudian selepas solat maghrib berjemaah, Aeril akan ajar anak-anak mengaji.

"Selepas makan malam, kami tonton filem pula," ujar Wawa Zainal kepada *Wilayahku*.

Wawa juga yakin setiap pasangan pasti ada aktiviti yang sesuai dilakukan bersama.

Manakala Aeril pula menegaskan bahawa duduk di rumah tidak bererti perlu menghabiskan masa bermain telefon atau melayari media sosial sepanjang masa.

"Walaupun terpaksa duduk rumah, jangan buat hal masing-masing atau sentiasa main telefon. Saya tahu ada yang menggunakan telefon kerana bekerja dari rumah, tapi pandai-pandailah bahagikan masa," jelas Aeril lagi.



KELUARGA bahagia pasangan Aeril Zafrel dan Wawa Zainal.

Manjakan isteri tidak salah

BARU-BARU ini, Aeril Zafrel dikritik warganet yang menyifatkan dia terlalu memanjakan isteri juga pelakon, Wawa Zainal seperti dipaparkan di Instagram (IG).

Bagi Aeril, ia adalah perkara biasa sebagai suami isteri dan merupakan tip bahagia dalam rumah tangga.

"Bagi saya, apa saya buat dengan isteri, kebanyakan orang di Malaysia buat perkara sama. Cuma kami artis, itu yang kadang-kadang nampak ia menonjol."

"Apabila ada yang tegur dan cakap jangan manjakan isteri, sudah tentu sebagai manusia yang ada hati dan perasaan akan berasa geram. Tapi bagi saya, apa ditonjolkan tak keterlaluan. Bukan terlalu tunjuk gaya hidup."

"Perkara itu macam biasalah, suami dengan isteri, main dengan anak, beli kek untuk isteri dan banyak lagi. Saya anggap IG ini macam album. Jadi, soal manjakan isteri, bagi saya ia biasa. Tapi kalau nak tahu, jika di rumah saya yang manja sebenarnya," katanya.

Menurut Aeril, dia tidak boleh menghalang jika ada pihak yang berprasanaga buruk terhadapnya.

"Kalau ada orang bersangka buruk macam itu, saya tak boleh nak cakap apa. Kita baik macam mana sekali pun, tetap ada yang tak suka pada kita. Jadi, kita buat sajalah," jelasnya lagi.

Dalam perkembangan lain, Aeril menerusi syarikat produksi *Respected Citizen Production Sdn Bhd* bakal muncul dengan filem sulung terbitan syarikatnya, *Sabda Kekasih* bermula 24 Jun ini di Saluran Astro First 480.

Selain menjadi penerbit, Aeril juga berlakon di samping isteri, Wawa, Fauziah Nawi, Sabri Yunus dan Sharifah Husna.

Filem yang menelan kos kira-kira RM 1 juta arahan Azhari Zain itu menjalani penggambaran selama 10 hari di Bentong, Pahang dan Sendayan, Negeri Sembilan, tahun lalu. **WK**

Bunuh diri sebab stres

APA yang lebih menakutkan apabila stres atau tekanan yang melampaui boleh menyebabkan berlakunya bunuh diri.

"Saya faham dalam keadaan sekarang, ramai yang berhadapan dengan masalah kewangan dan ini boleh menyebabkan stres."

"Saya sedar ianya tidak mudah dan amat sukar untuk dihadapi. Seberat mana pun masalah, janganlah sampai membuat tindakan yang bukan-bukan dan bertentangan dengan agama seperti bunuh diri."

"Jauhkanlah ada niat seperti itu. Anggaplah ini sebagai ujian untuk kita menjadi insan yang lebih baik. Allah sentiasa ada dengan kita. Mohonlah padaNya," jelas Wawa yang berharap masyarakat kembali kepada agama dalam apa juar yang dihadapi.

Bagi Aeril pula, stres melampaui akan menyebabkan seseorang itu mendengar bisikan yang mendorong ke arah negatif.

"Bila stres apa yang membahayakan apabila datangnya bisikan-bisikan lain (hasutan syaitan) yang menggalakkan ke arah yang tidak baik."

"Bagi saya, apabila ada masalah. Luangkanlah. Selain mendekati diri dengan Allah, luahan hati juga amat membantu dalam meredakan stres."

"Apabila ada kawan atau sesiapa yang stres, dengarlah luahan mereka. Luangkanlah waktu apabila mereka perlukan kita."

"Mungkin kadang-kadang kita tidak mampu memberikan bantuan, sekurang-kurangnya apabila mereka berasa lega apabila masalah dapat diluahkan," tambah Aeril yang menekankan soal sokongan moral daripada orang sekeliling sangat penting.

WAWA ZAINAL



AERIL ZAFREL



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN



WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PRIHOTIN

"Bagi individu, NGO atau syarikat yang berminat untuk mendaftar diri, bolehlah ke pautan www.yayasan.org/privo atau scan kod QR dan isi butiran-butiran diri atau NGO, kegiatan yang diminati dan maklumat-maklumat lain seperti yang diminta."

SILA SCAN QR CODE DI SINI



YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA

Menteri Wilayah Persekutuan



@yayasanwp



www.yayasanwp.org.my

Empat resipi pasta sedap untuk anda yang sedang diet



SABRINA SABRE

SEKARANG ini ramai yang mahu menurunkan berat badan dengan mengurangkan pengambilan karbohidrat di dalam makanan. Bagi mereka yang baru nak bermula, dicadangkan kurangkan karbohidrat secara berperingkat agar tubuh badan tidak terlalu terkejut dengan perubahan.

Maka, empat resipi pasta di bawah ini sesuai untuk anda cuba. Walaupun pasta kaya dengan karbohidrat, tetapi dengan cara penyediaan yang betul bersama sayur-sayuran, protein dan lain-lain bahan (pemakanan seimbang), ia pastinya dapat membantu anda sihat dan bina tubuh yang sihat.

Setiap resipi hanya memerlukan enam langkah sahaja. Mudahkan! Selamat mencuba. **W.K**

BAHAN-BAHAN

Penne pasta
Minyak zaitun
4 ulas bawang putih
1 cubit empingan cili merah
227 gram cendawan butang
2 biji tomato
Garam
Lada sulah
Bayam
Sos Marinara
Greek yogurt
Udang
Ayam
Keju parmesan

CARA PENYEDIAAN

- 1 suku besar minyak zaitun dianaskan di dalam kuali bertutup. Tambah 4 ulas bawang putih cincang, dan 1 cubit empingan cili merah. Masak selama 2 minit atau bawang putih mula lembut.
- 2 Selepas itu, masukkan

227 gram cendawan butang, 2 biji tomato saiz tomato yang dipotong, dan sedikit garam dan lada sulah. Masak lagi selama 5 minit atau sehingga cendawan mula berair.

- 3) Tambah 4 cawan bayam segar dan tutup kuali dengan penutupnya selama 2 minit. Kemudian, alih penutup itu dan kacau ia bersama 1/2 cawan sos Marinara (sos pasta). Ailih periuk dari api dan biarkan ia begitu saja.
- 4) Kacau 1/2 cawan Greek yogurt, dan tambah penne. Kacau sampai sos bergaul rata dengan semua pasta dan sayur-sayuran disalutinya.
- 5) Didalam kuali lain, boleh masak udang atau ayam yang dipotong dadu.
- 6) Kemudian, hidangkan ia bersama pasta dan hirisan keju parmesan.

**Penne Rosa Bersama Sayur-sayuran dan Udang****Spaghetti Ayam dan Tomato Kecil yang Disaute****BAHAN-BAHAN**

Pasta
Daging ayam
Oregano
Basil
Garam
Lada sulah
Bawang putih
Tomato
Keju

CARA PENYEDIAAN

- 1 Selepas air garam dididihkan, daging ayam dipotong dadu 1 inci persegi diperisakan dengan 1/2 sudu kecil daun kering
- 2) Kemudian, masak bersama sedikit minyak selama 3-4 minit. Ketepikan ayam apabila isinya tidak lagi berwarna merah jambu.
- 3) Masukkan 227 gram pasta di dalam air bergaram yang dididihkan tadi. Selepas itu tos pasta. Air garam itu pula disimpan separuh untuk digunakan kemudian.
- 4) Panaskan semula kuali tadi,

oregano, dan basil, sedikit garam dan lada sulah.

- 5) Ambil pasta yang telah ditos tadi untuk dimasukkan ke dalam kuali.
- 6) Setelah itu, tambah daun segar basil dan daging ayam yang telah disaute sebelum ia dihidangkan bersama hirisan keju.

BAHAN-BAHAN


Pasta
Mentega
Bawang putih
Lobak merah
2 batang saderi
454 gram cendawan
2/3 cawan apple cider
1 2/3 cawan stok sayur-sayuran
425 gram sos tomato
1 helai daun bay
1 sudu kecil perasa Itali
Garam
Lada sulah
Keju

CARA PENYEDIAAN

- 1) Masak pasta bersama air garam dihidup dalam periuk sehingga ia capai tahap *al dente*. Kemudian, toskan.
- 2) Di dalam periuk panas yang lain, tambah 2 sudu besar mentega. Kacau hingga ia cair. Setelah itu tambah 1 biji bawang putih dipotong dadu, 1 biji lobak merah dipotong dadu, 2 batang saderi untuk disaute selama 6-8 minit.
- 3) Setelah ia kelihatan seperti lembut dan hampir masak, masukkan 4 ulas bawang putih cincang dan 454 gram cendawan yang dipotong dadu. Masak 4-5 minit hingga cendawan jadi warna keperangan dan sayur semua telah masak.
- 4) Masukkan 2/3 cawan apple cider di dalam sayur-sayuran

tadi dan kacau. Apabila api sudah cecah suhu didih, renehkan ia selama 2-3 minit sehingga *apple cider* jadi separuh.

- 5) Tambah 1 2/3 cawan stok sayur-sayuran, 425 gram sos tomato, 1 helai daun bay, 1 sudu kecil perasa Itali, dan secubit rasa garam dan lada sulah. Kacau campuran ini hingga ia reneh.
- 6) Kurangkan api, reneh tanpa ditutup periuk selama 10 minit. Selepas itu anda boleh perasakan ia lagi mengikut selera anda sebelum hidangkannya bersama pasta dan hirisan keju.

Cendawan Bolognese**Lasagne Bayam Artichoke****BAHAN-BAHAN**

Kepingan lasagne
Minyak zaitun
Bawang merah
1/4 sudu kecil garam
4 ulas bawang putih
Artichoke
340 gram bayam
2 cawan keju cottage rendah lemak
Garam
Lada sulah
1/2 cawan sos tomato

CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan 2 sudu besar minyak zaitun di dalam kuali dengan suhu panas sederhana. Kemudian, masukkan 1 cawan bawang merah yang dipotong dan 1/4 sudu kecil garam. Kacau sehingga bawang jadi lembut dan lut sinar, lebih kurang 4-5 minit. Masukkan 4 ulas bawang putih yang diketuk atau cincang. Kacau selama 30 saat.
- 2) Masukkan satu cawan artichoke
- 3) Campuran itu dipindahkan ke dalam mangkuk yang mempunyai 2 cawan keju cottage rendah lemak. Letakkan garam dan lada sulah dan gaul sekali.
- 4) Sekarang sediakan lasagne dengan meratakan 1/2 cawan sos tomato di atas bekas pembakar.
- 5) Kemudian diperlakukan dengan 1 cawan keju yang dihiris halus. Balut lasagne dengan kertas aluminium. Bakar selama 18 minit. Kemudian buang kertas tersebut, letakkan pada suhu 180°C dan teruskan membakar selama 12 minit lagi.
- 6) Setelah bahagian atas kelihatan warna keperangan, alihkan ia dari oven dan biarkan lasagne sejuk selama 15 minit.

dan 340 gram bayam ke dalam kuali. Kacau dan masak dalam masa 12 minit. Kemudian, pindahkan campuran sayur-sayuran ini ke dalam *blender*, kisar.

- 3) Campuran itu dipindahkan ke dalam mangkuk yang mempunyai 2 cawan keju cottage rendah lemak. Letakkan garam dan lada sulah dan gaul sekali.
- 4) Sekarang sediakan lasagne dengan meratakan 1/2 cawan sos tomato di atas bekas pembakar.
- 5) Lapisan lasagne di atas dan diselang-selikin dengan sapuan campuran tadi.
- 6) Setelah bahagian atas kelihatan warna keperangan, alihkan ia dari oven dan biarkan lasagne sejuk selama 15 minit.




Empat filem aksi badan beruniform



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

KETENANGAN dan keamanan yang kita nikmati ketika ini perlu disyukuri kerana di setiap negara yang tidak bergolak ini terdapat pasukan yang bertungkus lumus menjaga sempadan negara daripada diserang musuh.

Setiap negara pastinya mempunyai *Special Forces* bagi menghadapi situasi tertentu. Mereka merupakan barisan hadapan keselamatan negara dan pastinya setiap misi mereka adalah memastikan keamanan negara mereka tidak akan tergugat dan tidak



Special Forces

Pengarah: Stephane Rybojad
Pelakon: Djimon Hounsou, Diane Kruger, Denis Menochet

KISAH ini bermula ketika seorang wartawan wanita Perancis, Elsa Casanova bekerja di Kabul, Afghanistan menemui bual Maina, seorang wanita Afghanistan yang dijual kepada pemungut hutang. Dia adalah salah satu mangsa kehidupan yang kejam di

mengorbankan nyawa sesiapapun. Namun, setiap perjuangan memerlukan pengorbanan untuk mengecapi keamanan.

Barisan hadapan menjadikan nyawa mereka sentiasa dalam bahaya. Meninggalkan ibu, ayah dan ahli keluarga untuk setiap misi pastinya bukan mudah namun sikap juang yang tinggi membuatkan mereka memilih kerjaya ini.

Edisi kali ini, *Wilayahku* ingin mengajak pembaca untuk menonton filem mengenai perjuangan badan beruniform yang tidak pernah ditunjukkan oleh pihak media. Semoga filem ini dapat membuka mata rakyat Malaysia untuk lebih menghargai setiap badan beruniform. **WK**

Afghanistan di bawah rejim Taliban.

Sesi temubual Maina bertukar tragedi apabila Maina akan dibunuuh oleh Zaef, pemimpin Taliban. Namun, Elsa berkeras mahu menyelamatkan Maina meskipun dilarang keras oleh salah seorang pembantu rumahnya mengakibatkan mereka berdua ditangkap.

Dalam karya kewartawannya, Elsa memanggil Zaef sebagai tukang daging dan musuh terburuk wanita Afghanistan yang menimbulkan kemarahan Zaef. Tetapi ketika belati itu berada di leher Elsa. Pemimpin Taliban berubah fikiran. Sebaliknya, Elsa harus menyaksikan pembunuhan Saleymani, salah seorang pemberi maklumatnya.

Video tersebut dihantar ke Perancis membuatkan Perancis menghantar pasukan khas yang digelar *Special Forces* untuk menjalankan misi menyelamat dengan kekuatan anggota seramai enam orang sahaja. Turut mempunyai unsur dramatik apabila Djimon Hounsou sebagai seorang ketua pasukan yang berwibawa dan kuat namun rebah apabila melihat sahabatnya, Lukas tewas di medan peperangan.

selepas serangan 11 September. Kapten Mitch Nelson sedang bercuti dan menghabiskan waktu bersama anak serta isterinya ketika tragedi 11 September 2001 berlaku. Tragedi tersebut membuatkan Nelson menawarkan diri untuk memimpin 595 orang ke Afghanistan. Bersama 11 anggota pasukannya, Mitch segera berangkat ke Afghanistan sebagai pasukan khas rahsia *Green Berets*.

Di negara itu, Mitch harus meyakinkan pemimpin pakatan utara, Jeneral Dostum, untuk bersatu menentang Taliban. Apabila Dostum akhirnya bersetuju untuk bekerjasama, Mitch dan rakan-rakannya mesti bertarung mengikut gaya tempatan dengan menunggang kuda.

Masalah timbul apabila ahli pasukannya tidak biasa berkuda. Dibantu oleh pasukan Jeneral Dostum, pasukan Mitch dengan kekuatan seramai 12 orang bergegas ke medan perang dengan peralatan perang seadanya. Adakah Mitch dan pasukan akan bertahan dalam peperangan tersebut?



12 Strong

Pengarah: Nicolai Fuglsig
Pelakon: Chris Hemsworth, Michael Shannon, Navid Negahban

JUGA dikenali sebagai *12 Strong*: *The Declassified True Story of the Horse Soldiers* adalah sebuah filem drama aksi sejarah mengenai Pasukan Khas Tentera AS yang dihantar ke Afghanistan sejurus



Pengarah: Yeop Hitler
Pelakon: Beto Kusyairy, Remy Ishak, Sofi Jikan

SEBAUH filem mengenai lima anggota Komando Tentera Darat di bawah pimpinan Leftenan Azri Haji Manaf yang menjalankan operasi mengkekang kebangkitan pengganas komunis (PGK). Lim Yatt, orang penting PGK telah ditangkap berjaya melepaskan diri dengan bantuan pasukan subvesif pengganas komunis.

Secara kebetulan, Koperal Kamal yang sedang bercuti berada di tempat kejadian, menyedari dan turut membantu namun telah ditangkap serta ditawan sebagai tebusan untuk mendapatkan maklumat pergerakan pasukan sahabat.

Lt. Azri bersama empat anggota komando lain dalam Ronda Kumpulan Kecil (RKK) dikerahkan bagi menyelamatkan tebusan

serta mengesas kedudukan musuh bagi membolehkan pasukan sahabat melenyapkan pergerakan subvesif pengganas komunis.

Semasa dalam perjalanan pulang dari operasi menyelamat dan mengesan, mereka telah diserang balas dan diburu oleh pasukan musuh dengan kekuatan seramai 200 anggota PGK. Akibat terputus hubungan mereka terpaksa menghadapi musuh tanpa pasukan bantuan. Memegang semangat "Biar Mati Bermaruah Jangan Mati Dijajah", satu demi satu anggota pasukan terkorban akibat pertempuran.

Filem ini dipetik daripada kisah benar melalui *Diari Misi Komando* yang dahulunya adalah rahsia sulit Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan kini dipaparkan buat rakyat Malaysia berfikir dan menilai sendiri sumbangan anggota yang terlibat dalam mempertahankan keamanan negara.



Silmido

Pengarah: Kang Woo-Suk
Pelakon: Sol Kyung-Gu, Ahn Sung-Ki, Heo Joon-Ho

UNIT 684 dibentuk setelah percubaan membunuh Presiden Korea Selatan, Park Chung Hee pada 21 Januari 1968 gagal. Selepas kejadian itu, presiden Korea Selatan mengarahkan menteri pertahanannya untuk membentuk sebuah unit rahsia yang dilatih khas untuk membunuh Kim Jong II.

31 banduan dipilih secara rawak untuk menjadi anggota unit khas tersebut dan dihantar ke Pulau Silmido yang terpencil dan tidak berpenghuni di barat Korea Selatan. Sampai di sana, mereka dilatih sebagai pembunuhan. Latihan yang sukar diberikan tanpa belas kasihan mengakibatkan tujuh tahanan mati kerana latihan yang terlalu sukar, bahkan mereka juga diperlakukan seperti binatang.

Dalam pada itu, hubungan Korea Selatan dan Korea Utara semakin baik yang mendorong

pebubaruan unit 684 di mana setiap ahlinya perlu dibunuuh untuk menutup misi membunuh Kim Jong II agar tidak tersebar secara umum.

Hal ini membuatkan pasukan unit 684 ingin melakukan pemberontakan di Seoul. Pada 23 Ogos 1971, anggota unit 684 berjaya melerikan diri dari Pulau Silmido setelah berjaya membunuh pegawai mereka yang terdiri daripada anggota tentera udara dan tentera laut Korea Selatan seterusnya merampas bas untuk bertemu dengan presiden Korea Selatan di Seoul.

Namun, usaha mereka ditangkis oleh tentera Korea dan polis Korea yang telah menembak bas dinaiki mereka menyebabkan sebahagian besar anggota unit 684 mati manakala yang terselamat dibawa ke mahkamah tentera lalu dijatuhi hukuman mati.

Cerita yang diangkat berdasarkan kisah benar ini menerima pelbagai reaksi apabila ia ditayangkan dan sehingga kini beberapa orang dan keluarga anggota unit 684 masih menuntut keadilan.

Libat 15,000 penduduk, menerusi dua fasa

PL segerakan agih bakul makanan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) komited untuk menyegerakan agihan bantuan bakul makanan di lapan lokalkti yang terlibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bersasar yang membabitkan 15,000 penduduk secara berperingkat menerusi dua fasa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman**, pihaknya menerusi Pasukan Operasi Wilayah Prihatin telah mengagihkan bantuan itu bagi fasa pertama di lapan lokalkti

yang terabit.

"Agihan bantuan makanan bagi fasa pertama telah diagihkan bermula 18 Jun lalu dan bantuan fasa pertama mengandungi makanan asas iaitu beras, minyak masak, tepung dan gula.

"Manakala fasa kedua pula mengandungi makanan asas dan lain-lain lagi tambahan seperti sardin, teh, biskut yang akan diagihkan sebaik sahaja tiba dari Kuala Lumpur," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin lalu.

Fary berkata bagi melengkapkan pengagihan bagi fasa kedua, kesemua penerima bantuan perlu mendaftar menerusi pengimbas QR kod yang telah disertakan di



FARY

bakul makanan itu.

Mengulas lanjut, Fary turut menafikan terhadap dakwaan sesetengah pihak di media sosial mengenai jumlah dan jenis barang yang diterima adalah tidak sama.

Jelasnya, perbezaan di antara bakul makanan itu kerana pihaknya turut menerima sumbangan daripada pihak syarikat swasta yang mana isi kandungan bakul makanan itu tidak sama.

"Kami mengagihkan sumbangan itu secara terus kepada penduduk yang terlibat kerana ingin membantu rakyat dengan kadar segera selepas sahaja Lockdown Bersasar Penuh bermula 15 Jun lalu," katanya lagi. WK



FARY (depan, tiga dari kanan) bersama Pasukan Operasi Wilayah Prihatin dan PriVo mengagihkan bantuan bakul makanan kepada penduduk Taman Mutiara yang merupakan salah satu lokalkti PKPD Bersasar.

Hospital Medan di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan beroperasi 26 Jun

BANGUNAN Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan yang mana sebelum ini digunakan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) akan digunakan sebagai Hospital Medan pada 26 Jun ini susulan peningkatan jangkitan COVID-19 di pulau itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, **Dr Ismuni Bohari** berkenan, pembukaan Hospital Medan di Dewan Serbaguna PL itu adalah disebabkan kedudukannya berhampiran dengan Hospital Labuan.

Katanya, pada hari selasa (22 Jun), pihaknya akan membuat kerja-kerja penggubahan PKRC itu kepada Hospital Medan yang mana dijangka mula beroperasi pada 26 Jun ini.

"Kita akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mendirikan



Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan akan digantikan sebagai Hospital Medan bermula 26 Jun ini.

hospital medan ini pada selasa ini.

"Hospital medan ini adalah sebuah yang ia adalah daripada usaha-hakam untuk menyediakan rawatan kondusif dan maksimum kepada pesakit COVID-19," katanya akhirnya melakukannya lawatan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin di Tamam

Perumahan Mutiara di sini, pada Sabtu.

Ismuni menjelaskan hospital medan itu mempunyai kapasiti 100 katil termasuk empat katil diperuntukkan untuk transit unit rawatan rapi (ICU),

"Kita akan menempatkan pesakit COVID-19 kategori tiga dan empat yang memerlukan bantuan pernafasan.

Terdahulu, baru-baru ini, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob telah memaklumkan ATM akan membina sebuah hospital medan di Labuan bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat di pulau itu.

Pasukan teknikal ATM turut digerakkan ke Labuan dengan lapan doktor termasuk pakar, dan 30 anggota paramedik. WK

MPM sumbang kelengkapan perubatan bernilai RM150,000

PRİHATİN terhadap usaha petugas baris hadapan khususnya petugas kesihatan dalam memerangi COVID-19 di pulau ini, MEGAH Port Management Sdn Bhd (MPM) dan beberapa syarikat swasta tampil membantu dan menyumbangkan peralatan kelengkapan hospital yang nilai RM150,000.

Menurut kenyataan MPM, pihaknya bersama dua syarikat swasta iaitu Sailion Shipping Sdn Bhd dan Lion Logistics Group Of Companies telah bekerjasama bagi menyumbangkan peralatan kelengkapan tersebut

Katanya, setiap syarikat telah menyumbangkan sebanyak RM50,000 dan menjadikan secara keseluruhan sumbangan berjumlah RM150,000.

"Antara peralatan kelengkapan yang disumbangkan adalah 2 unit Monitor Screen, 1 unit Vital Sign ISBT740, 1 unit Chison Portable Ultrasound, 1 unit MRX Defibrillator, 1 unit Philips MP70

Machine.

"2 unit Powered Air Purifying Respirators (PAPR), 5 unit Cuckoo Air Purifying Machine, 2 unit PageWriter TC10 Cardiograph, 2 unit Emergency Trolley EMT330, 3 unit Philips CM10 Monitor, 1 unit Philips Intellivue X2 Monitor, 1 unit Bristos BT-740 and 4 unit Oxygen Concentrator," kata kenyataan itu, baru-baru ini.

Majlis penyerahan sumbangan itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MPM, Idjal Tahir kepada wakil Hospital Labuan, Dr. Ishvinder Singh Parmar, di perkarangan Pejabat MPM, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Syarikat Sailion Shipping Sdn Bhd dan Lion Logistics Group Of Companies iaitu Isaac Abdullah.

Dalam pada itu, pihak MPM turut menzahirkan penghargaan kepada petugas baris hadapan khususnya petugas kesihatan yang bertungkus-lumus memerangi COVID-19. WK



IDJAL (tengah) dan AMIR (kanan) menyampaikan sumbangan barang kelengkapan kesihatan kepada Dr. Ishvinder Singh Parmar, wakil Hospital Labuan.

2/2 BAGAIMANA VAKSIN BERFUNGSI?

BAGAIMANA FUNGSI IMUNITI KELOMPOK?

1 Apabila lebih ramai individu divaksin, patogen sukar merebak / menular dalam komuniti

2 Individu yang telah divaksin biasanya akan imun / terlindung daripada penyakit berkaitan

3 Ini turut membantu melindungi individu yang tidak boleh divaksin seperti pasalik kanser / HIV / alihlan teruk

4 Sejarah menunjukkan manusia berjaya mencipta vaksin melawan penyakit berbahaya seperti meningitis, tetanus, demam campak & polio

Vaksin bukan sahaja melindungi diri, tetapi turut melindungi mereka yang tidak boleh diberi vaksin. Sekiranya anda layak, segera dapatkan vaksin.

Sumber: Perbadanan Kesehatan Seluruh (PKRS)

Diterjemah: 22 Jun 2021

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Warga Titiwangsa manfaatkan khidmat pengangkutan percuma

SYAHIDI BAKAR

KHIDMAT pengangkutan percuma yang disediakan bagi membawa penduduk Titiwangsa ke 3 lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV), harus dimanfaat sebaik mungkin oleh mereka yang memerlukan.

Kemudahan disedia Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Titiwangsa itu, bukan sekadar fleksibel dari segi lokasi untuk pengambilan, malah jimatkan masa dan tenaga penduduk ingin ke lokasi PPV terpilih iaitu KLCC, PWTC dan MITEC.

Pengerusinya Datuk Azizulrahman Mohd Husain Malim berkata, kemudahan yang disediakan bagi warga memerlukan itu bertujuan mengurangkan beban penduduk yang berdepan kekangan waktu dan kewangan untuk ke lokasi bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Beliau berkata, pihak MPPWP sentiasa cakna dan peka dengan keperluan penduduk di Titiwangsa selain menyahut seruan kerajaan bagi mencapai kelompok vaksinasi bersasar lebih awal daripada tempoh yang



KEMUDAHAN pengangkutan membawa dan menghantar penduduk Titiwangsa ke tiga lokasi PPV yang disediakan oleh MPPWP perlu dimanfaat demi kebaikan warga.

disasarkan.

"Perkhidmatan mengambil dan hantar komuniti di Titiwangsa ke tiga PPV ini dikelola oleh MPPWP dengan kerjasama UMNO Bahagian Titiwangsa, adalah sebahagian usaha membantu penduduk yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasa.

"Jadi, dengan inisiatif yang diambil ini semudah menghubungi nombor

telefon disediakan, kami akan mengambil warga penduduk di mana sahaja lokasi sekitar Titiwangsa mengikut kehendak dan keselesaan mereka," katanya.

Untuk maklumat lanjut bagi kemudahan disedia, warga penduduk boleh menghubungi Setiausaha MPPWP di setiap Sub Zon Titiwangsa atau boleh berurusan Setiausaha MPPWP Zon Titiwangsa di talian 019-4420977.

Menurut Azizulrahman, untuk



PERKHIDMATAN mengambil dan menghantar warga penduduk Titiwangsa ke tiga lokasi PPV, diharap memudahkan lagi usaha vaksinasi golongan sasar.

kelancaran operasi warga emas diwajibkan hadir bersama pengiring untuk ke PPV, selain bakal penerima vaksin perlu bersedia lebih awal dilokasi sebelum diambil oleh pemandu Van WP yang bertugas.

"Pemandu juga akan hubungi individu berkenaan untuk pengesahan lokasi dan masa dahulu. Jadi suka diingatkan setiap penduduk ingin gunakan kemudahan ini, hantar tempahan 24jam atau satu

hari sebelum jadual temujanji kepada Setiausaha Sub Zon yang telah sedia dilantik," jelasnya.

Selain itu, warga Titiwangsa boleh menghubungi nombor tertera mengikut sub zon masing-masing iaitu Pandan (Mohd Arif 019-3245212), Ampang (Suzana 018-2258235), Kg Bharu (016-8813689 Ridzuan) selain sub zon Keramat (Mohd Fitri 019-6520117) Maluri (Hamizi 011-52009522) dan Cochrane (Tajul 019-2684568). **WK**

PBKL nadi penting rantai bekalan, elakkan isu menjelaskan operasi

PELBAGAI pihak menyokong penambahbaikan dilakukan bagi memastikan Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) kekal kondusif dan selamat untuk beroperasi pada tahap optimum.

Perkara tersebut antara keutamaan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ketika ini turut diakui Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Batu yang sifatkan ia tepat masanya dalam menjamin kestabilan PBKL.

Gulam Muszaffar Gulam

Mustaqim berkata, bagi memastikan lokasi antara nadi rantaian bekalan makanan dan produk segar di Lembah Klang itu mapan, ia perlukan pembaharuan kepada aspek kebersihan dan keselamatan operasi.

Katanya, langkah vaksinasi pekerja serta peniaga pasar borong itu amat dialukan malah komitmen Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu operasinya selamat dan terjamin berasas, memandangkan ia sektor perkhidmatan bekalan utama penghubung bagi sumber makanan dan protein masyarakat.

"Semestinya kita menyambut baik usaha diambil Menteri Wilayah Persekutuan yang menitikberat keperluan vaksinasi pekerja dan peniaga di pasar



GULAM Muszaffar (vest hitam) ketika mengiringi lawatan Menteri Sumber Manusia ke PBKL, baru-baru ini.

borong demi kelangsungan operasi PBKL ini.

"Jika operasinya terjejas kesannya bukan kepada penduduk di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, malah negeri bersempadan dengannya akan turut terputus bekalan makanan serta sumber protein seperti ikan, sayur, buah-buahan dan lain-lain.

"Jadi, langkah Vaksinasi Trak Bergerak disambut positif untuk

seimbangkan keperluan fizikalnya (pekerja dan peniaga) dengan impaknya terhadap sektor ekonomi daripada petani, nelayan, peniaga dan lain-lain rantaian turut terjejas," katanya.

Sementara itu, pada Ahad lepas pelaksanaan sesi kedua vaksinasi COVID-19 di PBKL menjadikan 2,154 orang terdiri daripada pekerja dan peniaga PBKL telahpun divaksinasi seterusnya



GULAM Muszaffar bersama AJK MPPWP Zon Batu ketika meninjau keadaan PBKL dan pelaksanaan persiapan untuk Program Vaksinasi Trak Bergerak yang diadakan Ahad lepas.

menjamin kelangsungan operasi pasar borong itu.

Dalam pada itu, Gulam Muszaffar juga menggesa supaya pemantauan dan penguatkuasa dilakukan berterusan bagi menjamin kelancaran operasi di PBKL khususnya dalam membendung kewujudan semula pekerja dan peniaga asing.

"Seperti kita maklum, peniaga warga asing telah disekat

menjalankan perniagaan di PBKL, secara zahir dalam pasar sudah bagus, namun menular pula ke kawasan di luar pasar borong.

"Jadi wujud segelintir peniaga asing menggunakan lori dan van menjalankan perniagaan di kawasan luar pasar dan ini perlu dihenti segera oleh pihak berkuasa untuk elakkan kaedah sebegini diguna pakai secara meluas oleh mereka," ujarnya. **WK**



KELANGSUNGAN PERNIAGAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

INISIATIF WILAYAH CAKNA 6.0

BERMULA JUN-DISEMBER 2021 DI WP KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA & LABUAN



PENGECUALIAN BAYARAN FI LESEN PERNIAGAAN

- Q **Pembaharuan**
Lesen Perniagaan & Lesen Perniagaan **Baharu.**
- Q **22,896**
Penjaja di WP Kuala Lumpur.

- Q **6,000**
Penjaja kecil di WP Putrajaya.
- Q **770**
Penjaja di WP Labuan.

PENGURANGAN 50% KADAR SEWA FASILITI DBKL, PPJ & PL

- Q **5,753**
Penyewa di pasar berbangunan & pusat penjaja DBKL.
- Q **786**
Kedai & gerai di PPR MTEN / PA DBKL.
- Q **460**
Penyewa premis PL.
- Q **303**
Penyewa premis PPJ.
- Q **100 peniaga**
Program Usahawan Anak Muda Kota diberi **pengecualian bayaran** sewa tapak di WP Putrajaya.



PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT UNTUK USAHAWAN / PENIAGA

- Q **Sehingga 124**
Usahawan / peniaga layak memohon melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).
- Q **RM620,000.00**
Peruntukan dana keseluruhan.



**SOALAN**

ASSALAMUALAIKUM,
saya ada satu persoalan.
Dalam situasi sekarang,
meeting online merupakan
alternatif yang terbaik bagi
mengantikan perjumpaan fizikal.

Soalannya, adakah
dibolehkan seorang perempuan
itu memaparkan wajahnya
seperti video call semasa meeting
online? Ini supaya memudahkan
lagi interaksi antara ahli-ahli
mesyuarat semasa berbincang.
Harap dapat pencerahan
mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Waalaikumussalam wbt.
Alhamdulillah, segala puji bagi
Allah SWT, selawat dan salam
kepada junjungan besar Nabi
Muhammad SAW, isteri dan ahli
keluarga baginda, para sahabat
baginda serta orang-orang yang
mengikuti jejak langkah baginda
sehingga Hari Kiamat.

Kami mulakan dengan firman
Allah SWT :

*"Katakanlah (wahai
Muhammad) kepada orang-orang
lelaki yang beriman supaya
mereka menyekat pandangan
mereka (daripada memandang
yang haram), dan memelihara
kehormatan mereka.*

*Yang demikian itu lebih suci
bagi mereka; sesungguhnya Allah
Amat Mendalam PengetahuanNya
tentang apa yang mereka
kerjakan.*

*Dan katakanlah kepada
perempuan-perempuan yang
beriman supaya menyekat
pandangan mereka (daripada
memandang yang haram),
dan memelihara kehormatan
mereka; dan janganlah mereka
memperlihatkan perhiasan
tubuh mereka kecuali yang zahir
daripadanya..."*

(Surah al-Nur : 30-31)

Menurut Imam Ibn Kathir,
ayat ini adalah merupakan
perintah Allah SWT kepada
orang-orang lelaki yang beriman
supaya menjaga pandangan
mereka daripada melihat perkara
perkara yang diharamkan oleh
Allah SWT.

Janganlah melihat melainkan
hanya kepada perkara yang
diharuskan oleh syarak sahaja
dan menundukkan pandangan
mereka daripada melihat perkara
yang diharamkan.

Begitu juga, Allah SWT
memerintahkan juga kepada
orang-orang perempuan yang
beriman agar turut sama
menundukkan (menjaga)
pandangan dan memelihara
kemaluan mereka (daripada
perkara-perkara yang
diharamkan).

Dan bagi membezakan mereka
daripada sifat serta perbuatan
wanita Jahiliyyah.

(Lihat Tafsir Ibn Kathir
Tahzib wa Tartib, oleh Dr. Solah
al-Khalidi, 4/2342-2344)

Batas aurat perempuan

Hukum wanita memaparkan wajahnya sewaktu *online meeting*



HARUS bagi seseorang wanita itu memperlihatkan wajahnya ketika bermesyuarat atas talian (meeting online) selagi tidak membawa kepada timbulnya fitnah.

dengan lelaki ajnabi.

Secara asasnya, hukum menutup aurat adalah wajib tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Dan agama Islam sangat menekankan kepada umatnya agar menjaga batas-batas yang telah ditetapkan.

Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari menyatakan bahawa batas aurat bagi seorang perempuan yang merdeka semasa dalam solat, mahupun luar solat (iaitu dengan lelaki ajnabi) adalah seluruh badannya melainkan muka dan kedua telapak tangan tangannya.

Kedua-duanya bukanlah aurat sekalipun diwajibkan

ke atas perempuan berkenaan untuk menutup kedua-duanya kerana dikhawatirkan timbulnya fitnah.

Imam al-Sawi mengulas kenyataan tersebut dengan mengatakan harus melihat kedua-duanya (muka dan telapak tangan) serta tidak ada beza antara melihat bahagian luar atau bahagian dalam, seligimana bukan dengan tujuan untuk bersedapsedap (syahwat).

Sekiranya tidak, haram untuk melihatnya.

(Lihat Hasyiah
al-Sawi 'ala al-Syarh al-Saghir, 1/289)

Justeru, kita ketahui bahawa batas aurat seorang wanita dengan lelaki yang bukan mahramnya (ajnabi) ialah seluruh tubuhnya melainkan muka dan kedua telapak tangannya.

Ia adalah kelonggaran yang telah diberikan oleh Allah SWT berdasarkan kepada firman-Nya di dalam surah al-Nur ayat 31.

Selain itu, diharuskan bagi mereka mendedahkan muka dan kedua telapak tangannya terutamanya dalam urusan muamalat yang melibatkan jual

beli, mengambil dan memberi.

Secara adatnya, kesemua urusan itu sukar dilakukan melainkan dengan mendedahkan muka dan juga kedua telapak tangan.

(Lihat Badai' al-Sanai',
5/121-122)

Demikianlah juga, Imam al-Dardir menyatakan bahawa aurat wanita dengan lelaki ajnabi ialah seluruh tubuhnya melainkan muka dan kedua telapak tangannya.

Kedua-duanya bukanlah aurat sekalipun diwajibkan ke atas perempuan berkenaan untuk menutup kedua-duanya kerana dikhawatirkan timbulnya fitnah.

berpandangan bahawa harus bagi seorang wanita mendedahkan mukanya ketika mesyuarat atas talian selagi ia tidak menimbulkan fitnah dan menjatuhkan maruahnya sebagai seorang wanita muslimah.

Hal ini kerana wajah wanita tidak termasuk dalam aurat seperti yang telah dipersekutui oleh jumur ulama. Imam Ibn Qudamah menyebutkan bahawa :

"Tiada perselisihan antara para sarjana mengenai keharusan melihat wajah wanita kerana ia bukanlah aurat."

(Lihat al-Mughni, 7/97)

Begitu juga, Abu Said al-Khadimi menyatakan bahawa seorang lelaki tidak dibenarkan bercakap dengan seorang wanita ajnabiyyah tanpa sebarang keperluan kerana perkara tersebut boleh menimbulkan fitnah.

Akan tetapi sekiranya ada keperluan seperti penyaksian

atau jual beli atau berdakwah, ia diharuskan (dibenarkan).

(Lihat Bariqah Mahmudiyah,
4/7)

Ibn Hajar al-'Asqalani juga ada menyebutkan di dalam kitabnya bahawa dibolehkan bagi lelaki memberi salam kepada wanita atau sebaliknya, dengan syarat selamat daripada timbulnya fitnah (tohmahan, syak wasangka dan lain-lain yang seumpamanya).

(Lihat Fath al-Bari, 11/33)

Selain itu, kebiasaannya dengan memaparkan muka ketika bermesyuarat atas talian (meeting online) adalah lebih memudahkan dan melicinkan perjalanan mesyuarat apabila para pendengar menjadi lebih fokus serta memberikan sepenuh perhatian.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas, serta melihat kepada realiti di Malaysia, kami menyimpulkan bahawa harus bagi seseorang wanita itu memperlihatkan wajahnya ketika bermesyuarat atas talian (meeting online) selagi tidak membawa kepada timbulnya fitnah dan menjatuhkan maruah serta adab-adabnya sebagai seorang wanita muslimah.

Walau bagaimanapun, jika terdapat pilihan untuk menyembunyikan wajah, maka itu adalah lebih baik kerana lebih selamat (berhati-hati), jauh daripada fitnah serta lebih memberikan keselesaan kepada para wanita.

TIPS TANGANI PENINGKATAN KES SPORADIK

- Kes sporadik COVID-19 ialah :
 - Kes yang tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana kluster
 - Lazimnya tidak menunjukkan sebarang gejala
 - Kawasan penduduk berkepadatan tinggi paling terdedah kepada kes sporadik
 - Orang ramai diseru terus konsisten mematuhi SOP & amalkan Tindakan Kesihatan Awam Kendiri

TINDAKAN KESIHATAN AWAM KENDRI

Kekal diaduk di rumah jika tiada urusan penting

Jika perlu keluar, patuhi arahan MKN

Optimumkan penggunaan teknologi komunikasi untuk berhubung

Gunakan perkhidmatan dalam talian untuk membeli barang

Jalani pemeriksaan segera jika bergejala/kontak kepada kes positif COVID-19

Sekiranya didapati positif COVID-19 :

- Maklumkan kepada KKM melalui notifikasi kendiri di aplikasi MySejahtera / hubungi PKD berdekatan
- Hadir ke CAC berdekatan & bawa keputusan ujian saringan

Jika dibenarkan HSO :

- Patuhi segala peraturan ditetapkan
- Jangan bercampur dengan ahli keluarga
- Jangan keluar rumah dalam tempoh HSO
- Jika kesihatan merosot, hubungi perkhidmatan kecemasan segera

Daftarkan diri & keluarga untuk suntikan vaksin COVID-19

MKN - Majlis Keselamatan Negara
KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia
PKD - Pejabat Kesihatan Daerah
HSO - Perintah Pengawasan & Perhatian di Rumah
CAC - Pusat Penilaian COVID-19
SOP - Prosedur operasi standard

Sumber: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

JAWI benar laksana ibadah korban bersyarat

AZLAN ZAMBRY

JABATAN Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah membuat ketetapan dan membenarkan ibadah korban pada tahun ini dilaksanakan selaras dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al Mustain Billah Shah.

Pengarahnya, **Datuk Mohd Ajib Ismail** berkata, beberapa ketetapan telah diputuskan berkenaan dengan pelaksanaan ibadah korban di masjid dan surau Wilayah-Wilayah Persekutuan tahun 2021.

"Pelaksanaan ibadah korban dibenarkan namun proses penyembelihan binatang korban, lapah, potong dan pembungkusan daging korban hanya dibenarkan dilaksanakan di Rumah Sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengikut penyelarasan JAWI melalui Pejabat-Pejabat Pentadbiran Zon.

"Pengagihan dibuat secara terus kepada peserta, fakir miskin berdasarkan senarai nama yang ditetapkan, petugas barisan hadapan dan golongan sasaran," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Mohd Ajib, pelaksanaan ibadah korban di kawasan lapang juga dibenarkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), JAWI dan Pejabat Kesihatan Daerah.

"Had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang.

"Semua kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan demi memastikan ibadah korban dapat dihayati dan kemaslahatan semua pihak sentiasa terpelihara," katanya.

WK

SOP PELAKSANAAN KORBAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021

DI MASJID & SURAU

- Pelaksanaan ibadah korban dibenarkan
- **Namun**, proses penyembelihan, lapah, potong & pembungkusan daging hanya dibenarkan di :
 - Rumah sembelihan JPV
 - Rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan JPV



AGIHAN DAGING DIBUAT SECARA TERUS KEPADA :



*Perlu mengikut penyerahan JAWI melalui pejabat pentadbiran zon



DI KAWASAN LAPANG SELAIN MASJID & SURAU

- Dibenarkan dengan kebenaran PBT, JPV, JAWI & PKD
- Sembelihan haiwan tidak lebih 5 ekor sehari
- Kehadiran tidak lebih 12 orang termasuk petugas

JPV - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JAWI - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
PKD - Pejabat Kesihatan Daerah

Sumur : Pengarah JAWI Datuk Mohd Ajib Ismail

Diterbitkan : 21 Jun 2021



KEMENTERIAN juga telah menyelaras bantuan daripada beberapa agensi serta NGO lain agar dapat disampaikan dengan lebih teratur.

PKPD Desa Rejang: KPWKM agih bakul makanan

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyampaikan 3,000 bakul makanan kepada 2,971 keluarga di Perumahan Awam Desa Rejang yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), sejak 18 Jun lepas sehingga semalam.

Kementerian itu dalam kenyataan berkata hari ini 1,500 keluarga lagi telah disantuni hari ini melibatkan pesanan dan permintaan barang khusus kegunaan ha-

rian seperti peralatan mandian, ubat-ubatan dan keperluan bayi.

Langkah proaktif ini diambil KPWKM berikutan aduan yang dikemukakan penduduk di Desa Rejang berkaitan dengan keperluan makanan dan keperluan asas yang terjejas susulan daripada larangan pengoperasian kedai runcit sepanjang tempoh PKPD.

"JKM sedang menyusun gerak kerja bagi penghantaran bakul makanan fasa kedua yang melibatkan penambahan lagi 3,000 bakul makanan sumbangan daripada Majlis Agama Islam

Wilayah Persekutuan (MAIWP), pertubuhan bukan kerajaan dan juga orang perseorangan," menurut kenyataan itu.

Mengulas mengenai keperluan penduduk membeli barang keperluan harian, KPWKM berkata satu gerak kerja sedang dirangka untuk membantu penduduk yang terjejas.

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan sokongan sosial melalui perkhidmatan tele kaunseling, pengoperasian bilik gerakan, Talian Kasih 15999 24 jam serta berkomunikasi dengan wakil penduduk yang telah dilantik. WK

SMK Putrajaya Johan Pertandingan Kuiz Seri Paduka Baginda 2021

HAZIRAH HALIM

PASUKAN Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(1) muncul juara suling selepas menewaskan sembilan buah sekolah dalam pertandingan Kuiz Seri Paduka Baginda 2021 anjuran bersama Persatuan Genealogi Malaysia dan stesen radio online - Putrajaya FM, pada Ahad.

Kemenangan ini turut diraiakan SMK Presint 5(1) yang memenangi tempat kedua manakala SMK Presint 16(1) di tempat ketiga.

SMK Presint 9(1) diwakili oleh pelajar Tingkatan 5 iaitu Nur Syahira Zaihiman, Muhammad Hafiz Che Hashim dan Mohamad Hifzhan Amirul Afiq serta Harith Huzair Effendy Irfan Effendy sebagai peserta simpanan.

Manakala, pasukan SMK Presint 5(1) diwakili iaitu Batrisyia Mana, Qaisara Izzati Syukriah Jamarwi dan Nur Yasmin Munawwarah Jefri serta Nur Balqis Mohd Yusdi di bangku simpanan.

Meskipun negara berada dalam suasana kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia tidak menghalang sembilan buah sekolah untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang diadakan secara maya dikendalikan oleh Putrajaya FM.

Perkara ini dijelaskan oleh Presiden Persatuan Genealogi Malaysia, **Megat Iskandar Megat Zaharuddin**, tiga orang wakil daripada setiap sekolah telah berentap pada pagi Ahad bagi menguji kepintaran dan pengetahuan am berdasarkan institusi Yang



di-Pertuan Agong di Malaysia. Tambahan, setiap soalan telah digubal oleh pakar rujuk dari Persatuan Genealogi Malaysia.

Mengulas mengenai pertandingan, Megat memberitahu, kesemua 27 orang peserta yang mewakili sembilan buah sekolah perlu menjawab sebanyak 15 soalan dalam pusingan pertama.

"Selepas tamat pusingan pertama, lima buah sekolah yang mempunyai markah tertinggi iaitu SMK Presint 16(1), SMK Presint 5(1), SMK Presint 11(1), SMK Agama Putrajaya dan SMK Presint 9(1) layak ke pusingan kedua.

"Di pusingan kedua pula, lima buah sekolah itu menjawab soalan melalui kaedah siapa cepat, dia dapat dengan menggunakan aplikasi buzzer online. Pusingan ini telah melayakkkan dua buah sekolah iaitu SMK Presint 5(1) dan SMK Presint 9(1) ke pusingan akhir selepas memperoleh markah tertinggi," jelas Megat mengenai pertandingan kuiz yang diadakan secara maya itu. WK

DBP lancar Pelan Strategik 2021-2025

MENJADIKAN Bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi adalah antara tiga teras dalam Pelan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2021-2025 yang dibangunkan bagi mengindustri dan melestarikan bahasa dan persuratan Melayu.

Menteri Kanan Pendidikan **Datuk Dr Radzi Jidin** berkata, pelan itu juga bertujuan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa negara dan bahasa ilmu.

"DBP menggalas tanggung-jawab besar untuk memartabatkan Bahasa Melayu selaras Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan atas kesedaran ini pelan strategik ini dibangunkan."

"Bagi menjayakan pelan ini, komitmen, kesungguhan, kesepadan, ketekunan dan kerjasama semua pihak khususnya pengurusan tertinggi dan warga



ABANG SALLEHUDDIN

kerja DBP amat diperlukan bagi mencapai sasaran ditetapkan," katanya pada majlis Sambutan Ulang Tahun DBP Ke-65 dan perasmian Pelan Strategik DBP 2021-2025 menerusi Facebook rasmi DBP hari ini.

Tambahnya, DBP telah mempelbagaikan pendekatan bagi mempromosikan kandungan pustaka warisan seperti pantun, peribahasa dan simpulan bahasa termasuklah melalui penggunaan platform digital sesuai dengan perkembangan

semasa.

"Dari segi penerbitan, sudah tentu ada pasang surut... Saya yakin DBP di landasan yang betul bagi menghadapi cabaran dunia digital dalam menghasilkan penerbitan berkualiti," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah DBP **Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran** berkata, pandemik COVID-19 ini membuka ruang baharu cara bekerja di DBP dengan mendigitalkan kebanya-

kan program dan dilaksanakan secara dalam talian.

"Ini merupakan naratif baharu yang dibawa DBP bagaimana untuk kita kembangkan dan membina Bahasa Melayu menggunakan kaedah baharu, naratif baharu secara pendigitalan ini melibatkan cara kerja dan usaha DBP tanpa lupa usaha penerbitan konvensional yang akan terus DBP laksanakan."

"Pendigitalan ini salah satu usaha untuk memantapkan sistem penyampaian pada masa akan datang... Ia perlukan warga DBP bergerak pantas, berfikir secara kreatif serta memahirkkan diri dengan teknologi baharu untuk pastikan media baharu yang kita gunakan akan digunakan secara berkesan dan optimum," katanya.

Pada sambutan hari ulang tahun kali ini, DBP memilih tema Aksara Nan Hidup Sepanjang Zaman bagi mengajak masyarakat memahami asas penubuhan agensi berkenaan serta fungsinya dalam konteks pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera kebangsaan sejak tahun 1956 sehingga kini. **WK**



PELAN strategik 2021-2025 dirangka sebagai simbol kesediaan agensi tersebut meneroka lebih banyak potensi bagi meluaskan peranan dalam kepesatan dunia digital, maklumat dan Revolusi Industri 4.0.

MBM ulang gesaan pinda Akta DBP 1959, beri lebih kuasa bertindak

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) mahu kerajaan meminda akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 bagi memperkasakan dan memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Presidennya **Jufitri Joha**, berkata pindaan itu selaras dengan hasrat penubuhan DBP sejak 65 tahun lalu untuk mengerakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

"MBM ingin mengambil kesempatan pada hari ini, 22 Jun 2021 untuk mengucapkan selamat ulang tahun DBP yang ke-65 sambil mengulangi sokongan berterusan supaya Akta DBP 1959 dipinda.

"Tujuan pindaan yang dicadang sejak tahun lalu itu adalah untuk memberi kuasa kepada DBP mengenakan tindakan terhadap pihak yang ingkar kepada penggunaan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

"Seksyen terbabit memerlukan bahawa segala urusan rasmi kerajaan harus menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara," katanya dalam kenyataan sempena Sambutan 65 tahun DBP.

Jufitri berkata, berdasarkan pemerhatian MBM, penggunaan bahasa Melayu khususnya dalam mesyuarat dan majlis rasmi kerajaan masih di tahap kurang memuaskan.

Malah pihaknya mendapat bahasa Inggeris turut digunakan secara berleluasa. "MBM sentiasa mendokong dasar



JUFITRI

Mendaulatkan Bahasa Melayu dan Memperkasa Bahasa Inggeris dan menyeru pemimpin belia serta anak muda Malaysia terus yakin dan berbangga untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu; bahasa komunikasi; bahasa perpaduan dan bahasa global masa depan.

"Pada masa sama bahasa Inggeris wajib diperkasakan di samping menguasai bahasa-bahasa asing lain," katanya.

Dalam usaha mengatasi isu pembudayaan bahasa kebangsaan, pendekatan 'dakwah' melalui gerakan 'menegur dan menasihati' seperti diperuntukkan dalam Akta DBP memerlukan perubahan.

Pindaan Akta DBP perlu dijadikan kenyataan agar DBP memperoleh punca kuasa untuk mengambil tindakan kepada pihak yang tidak menghormati bahasa kebangsaan.

Untuk rekor, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956 sebagai hasil perjuangan golongan ahli bahasa, sasterawan, wartawan, pendidik dan agamawan melalui Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua (1954) serta Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga (1956).

Bahasa dan persuratan Melayu diangkat pejuang kemerdekaan sebagai antara asas nasionalisme dan perjuangan menuju kemerdekaan.

Selama lebih enam dekad DBP melaksanakan perancangan bahasa, khususnya dalam bidang pembinaan dan pengembangannya, selepas bahasa Melayu

ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa undang-undang, bahasa

ilmu dan pendidikan serta bahasa bagi segalan ranah peradaban negara. **WK**



Jadikan SUKMA 2018 pengalaman berharga

Kueggen bangkit dari kegagalan

AINI MAWAWI

TERLALU yakin. Itu yang membuatkan atlet karate Wilayah Persekutuan, Kueggen Vijayakumar, 22, tersungkur ketika berjuang di saat-saat akhir perlawan.

Berkongsi pengalaman pahit tersebut kepada Wilayahku, Kueggen berkata sehingga hari ini dia masih tidak dapat melupakan perkara tersebut yang membuatnya terpaksa akur sekadar mendapat pingat gangsa pada kejohanan SUKMA 2018.

"Ketika itu saya sudah mendahului perlawan 5-0 dengan berbaki masa 40 saat. Jadi, saya fikir tidak mungkin pihak lawan dapat mengetasi. Disebabkan terlalu yakin, saya lebih bersantai."

"Namun saya betul-betul tidak menyangka pihak lawan bangkit semula dan berjaya mengalahkan saya pada detik-detik terakhir. Itu yang membuatkan saya terkilan sehingga ke hari ini," kongsinya.



Katanya lagi, ketika itu, dia yakin mampu meraih pingat emas namun kelalaian dirinya membuatnya kalah di tangan atlet Selangor, Gogul.

"Kali pertama menyertai SUKMA sudah pasti ketika itu saya cuba melakukan yang terbaik.

Tetapi kalau nak diikutkan ketika itu juga saya pun sudah pancit kerana terlebih beraksi pada acara pemanasan badan," ujarnya lagi.

Menjadikan pengalaman tersebut sebagai pengajaran berharga, dia kini lebih berhati-hati tatkala bertemu pihak lawan.

"Saya akan menghabiskan banyak masa mengkaji pihak lawan sebelum bertemu digelanggang. Biasanya saya akan lihat video-video perlawan mereka terlebih dahulu bagi mencari kelemahan mahupun kelebihan yang ada padanya," ujarnya.

Ber cerita lanjut tentang sukan yang sudah sebatи dengannya sejak umur empat tahun lagi, anak kedua daripada empat orang adik-beradik



KUEGGGEN (kanan) ketika kejohanan MASUM 2020 di Perlis.

ini mengakui ayahnya merupakan insan yang bertanggungjawab membawanya ke dunia karate.

"Ayah merupakan atlet olahraga suatu ketika dahulu. Dia yang melatih kami adik-beradik supaya

kesemuanya aktif dalam sukan karate. Tanpa ayah, tak mungkin saya berada di tahap ini.

"Bagi kepuasan diri, saya ber cita-cita untuk pergi jauh dalam sukan ini mungkin seperti abang

Kejayaan Kueggen

2020 - MASUM Perlis - Emas

2019 - Kejohanan Piala Karate, Batam, Indonesia - Perak

2019 - Kejohanan Piala Dunian Karate Goju, Titiwangsa - Gangsa

2018 - SUKMA, Perak - Gangsa

Instagram : @kueggenvjk_

sulung saya yang berjaya ke peringkat Sukan SEA sebelum dia mengambil keputusan untuk bersara.

"Kini saya banyak menghabiskan masa berlatih di rumah memandangkan situasi COVID-19 sekarang. Selain itu, saya juga rajin menghantar video latihan kepada jurulatih dari masa ke semasa," ujar pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Universiti Malaya ini. **WK**

Impian Olimpik Jun Hoong 'diragut'

PERSATUAN Renang Malaysia (MS) mengesahkan bekas juara dunia Cheong Jun Hoong terlepas tiket beraksi pada Sukan Olimpik Tokyo, bulan depan.

Setiausaha Agung MS Mae Chan berkata ia susulan Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA) memutuskan hanya 15 penerjun terbaik dalam acara 10 meter (m) platform individu wanita di Piala Dunia Terjun FINA 2021 layak ke temasya sukan terbesar dunia itu.

Beliau mengakui perkembangan tersebut amat mengecewakan kem terjun negara dan Jun Hoong sendiri yang telah pun 'melayakkan diri' di bawah format kelayakan sebelum ini.

"Kami hanya perlu meneruskan latihan beliau seperti biasa dahulu, jika ada beberapa negara yang terjejas teruk dengan COVID-19 dan mereka tidak dapat mengambil bahagian mungkin terdapat slot lagi tetapi apa-apa pun kami hanya perlu tunggu."

"Bukan hanya beliau (Jun

Hoong) yang terlepas, ada juga beberapa perenang yang tidak berjaya," katanya kepada Bernama.

Pada masa sama, Mae berkata nasib malang menimpa Jun Hoong pasti tidak berlaku sekiranya penerjun berusia 31 tahun itu berjaya mara ke final acara kegemarannya itu pada Piala Dunia Terjun FINA 2021 di Tokyo, Mei lepas.

"Malangnya, pada acara separuh akhir, nasib tidak menyebabkan beliau gagal untuk melayakkan diri ke final yang akan memberi jaminan tempat ke Olimpik," tambah Mae.

Pada kejohanan Piala Dunia Terjun 2021, Jun Hoong menamatkan saingan separuh akhir acara 10m platform individu wanita pada kedudukan terakhir, namun mengesahkan tempat ke Olimpik apabila berada dalam kelompok 18 penerjun terbaik kejohanan itu untuk mengisi slot ke Tokyo.

Bagaimanapun, hujung Mei

lepas, FINA memaklumkan jumlah kuota itu dikurangkan kepada 12 penerjun sahaja sekali gus menggugat peluang Jun Hoong yang menyasarkan untuk membuat penampilan ketiganya pada temasya berprestij tersebut.

Dalam pada itu, Mae mengesahkan empat penerjun wanita negara akan beraksi pada Sukan Olimpik Tokyo ialah Pandelela Rinong Pang (10m platform individu dan 10m platform seirama), Nur Dhabitah Sabri (3m papan anjal individu), Wendy Ng Yan Yee (3m papan anjal individu) dan Leong Mun Yee (10m platform seirama).

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata keputusan FINA itu yang dilihat bertentangan dengan syarat kelayakan asal diluluskan badan induk itu sendiri sebelum ini, bukan sahaja menjelaskan harapan Jun Hoong, malah beberapa penerjun dari negara lain.

Katanya, beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail untuk berbincang secara terperinci dengan Jun Hoong, jurulatih beliau dan MS untuk memperincikan serta meneruskan program latihan Jun Hoong termasuk program latihan menghadapi Sukan Asia 2022 di Hanzhou, China.

"Saya amat memahami kekecwaan dialami Jun Hoong pada ketika ini. Saya juga memahami kesukaran yang beliau lalui

sebelum ini untuk melakukan kemuulan semula yang pada satu ketika beliau telah hampir bersara akibat kecederaan dan pembedahan yang beliau alami," katanya.

Dalam pada itu, Reezal Merican berkata beliau difahamkan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) sudah

menghantar surat rayuan kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan berharap jawatankuasa yang turut terlibat dengan perubahan syarat kelayakan itu dapat memberi pertimbangan semula berhubung isu melibatkan Jun Hoong itu. **- BERNAMA**



PANDUAN HIDRASI UNTUK LATIHAN SUKAN

BILAKAH WAKTU TERBAIK UNTUK MINUM

Minum air dengan mencukupi dapat mengantikan air yang berkurangan dalam badan semasa bekerja atau menjalani aktiviti fizikal. Minum air yang mencukupi juga sangat penting dalam membantu mengembalikan tenaga, mencegah kekejangan otot dan mengelak daripada strok haba

SETIAP SESI LATIHAN

2 jam sebelum: 500ml

15 minit sebelum: 250ml

Setiap 15 minit semasa: 250ml

Selepas:

1L

1 JAM PERTAMA AKTIVITI
AIR KOSONG

AKTIVITI SELEPAS 1 JAM PERTAMA
MINUMAN ISOTONIK



CHEONG JUN HOONG



Kuegen bangkit
dari kegagalan

►►23

KWP teliti beri ansuran, potongan cukai pintu - Annuar

MEMAHAMI beban rakyat akibat pandemik COVID19, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang meneliti untuk memberikan potongan kepada semua pembayar cukai pintu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai antara insentif bagi meringankan beban golongan itu.

Menterinya Tan Sri TPr Annur Musa berkata ketika ini, beliau memutuskan pembayaran cukai pintu boleh dilakukan secara ansuran dan mereka yang telah lewat membuat bayaran kerana mempunyai masalah kewangan tidak akan dikenakan sebarang penalti.

“Di saat susah ini, apalah salahnya

kita berkorban, apa salahnya pulangkan balik beberapa peratus kepada pembayar cukai dan perkara ini sedang diteliti dengan terperinci, tapi pada dasarnya, saya telah memberi persetujuan.

“Pembayaran ansuran, memberikan rebat dan juga menghapuskan penalti itu antara insentif kita lakukan untuk seluruh Wilayah Persekutuan. Walaupun Kuala Lumpur serius dari segi kesan (ekonomi) kepada warganya, kita juga yakin akan pulih secepatnya kerana di sini ada ruang untuk mencari rezeki, peluang untuk



ANNUAR

menambah peluang pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui bual secara langsung dalam program Bicara Naratif di RTM baru-baru ini.

Sebelum ini, kementerian itu telah memperkenal tujuh Inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk kemudahan serta mengurangkan beban warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 khususnya golongan B40 dan miskin bandar.

MAIWP agih lebih RM1 bilion dana zakat untuk pelbagai kegunaan sejak Mac 2020

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) terus ke depan membantu golongan asnaf yang memerlukan melalui agihan zakat secara langsung dan tidak langsung.

Bayangkan lebih RM1 bilion diagihkan sejak Mac 2020 sehingga Mei 2021.

Bagi tempoh Mac hingga Disember tahun lalu sebanyak RM732.55 juta zakat diagihkan MAIWP manakala sehingga Mei tahun ini pula RM303 juta zakat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata agihan zakat itu membabitkan 30 skim bantuan, inisiatif bantuan perniagaan (Musa'adah Tijariyyah) dan bantuan zakat kecemasan termasuk belanja pengurusan, prasarana dan kemudahan asnaf,” katanya mengumumkan pencapaian MAIWP bagi tempoh Mac 2020 hingga Mei lalu dalam hantaran di Facebook, pada Khamis.

Zulkifli berkata, MAIWP turut mengadakan beberapa pembaharuan sejak Mac tahun lalu seperti memperkenalkan aplikasi Mobile Jejak Asnaf (MoJA) bagi membantu orang ramai melaporkan kewujudan golongan asnaf.

Katanya, aplikasi itu turut dilengkapi teknologi sistem pengesanan lokasi (GPS) bagi memudahkan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP mengesan golongan asnaf yang memerlukan bantuan di Wilayah Persekutuan.

“Perkhidmatan bantuan lain bakal diperkenalkan adalah Projek Foodtruck MAIWP yang akan menyediakan



makanan secara percuma kepada 750 golongan asnaf dan yang memerlukan setiap hari untuk tempoh lima hari.

“Selain itu, projek Kedai Makan Usahawan MAIWP membabitkan tiga kedai milik usahawan asnaf akan memberi manfaat makanan secara percuma kepada

300 golongan asnaf dan yang memerlukan selama lima hari seminggu.

“Projek Foodrider MAIWP membabitkan 10 kakitangan MAIWP yang ditugaskan menghantar Kit bantuan makanan kepada asnaf dilaksanakan,” katanya. WK

COVID-19: Kerjaya bomba ‘selamatkan’ Syafiq Farhain

DEEL ANJER

PENYANYI lagu Kau Bidadari, Syafiq Farhain, mengaku pekerjaannya sebagai anggota bomba menjadi ‘penyelamat’ apabila kerjayanya sebagai penyanyi agak terbatas sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

Menurut Syafiq atau nama sebenarnya Nursyafiq Farhain A M Salim, 27, pendapatan sebagai bomba membuatkan dirinya mampu membayar komitmen walaupun sudah lama tiada undangan nyanyian.

“Dari segi pendapatan, saya tidak nafikan semua orang terjejas. Terutamanya pekerjaan yang memerlukan pergerakan ke sana sini. Apabila tiada kerja disebabkan tidak boleh keluar, jadi pendapatan terjejas.

“Mungkin ada juga dalam kalangan artis kerjanya hanya fokus kepada satu kerjaya sahaja misalnya nyanyian. Jadi apabila berlakunya penularan wabak COVID-19, memang agak terbeban. Persembahan nyanyian secara terbuka tidak dibenarkan, bagaimana cari rezeki? Saya tahu ia agak perit,” ujarnya kepada Wilayahku.

Sehubungan itu, Syafiq menzahirkan rasa syukur kerana mempunyai pekerjaan tetap sebagai anggota bomba sekali gus membolehkan tanggungan kewangan yang dipikul dapat dilunaskan walaupun terjejas akibat ketidaaan undangan nyanyian.

“Bila ada duit lebih, sudah tentu keperluan dan kehendak kita jadi lebih. Jadi, apabila dah tak ada, banyak perkara juga yang saya perlu tanggung,” jelasnya yang merancang perbelanjaan dengan lebih teliti dalam situasi yang tidak stabil ini.

Dalam pada itu, dia memberitahu, kawan-kawan yang memerlukan turut dibantu kerana penularan wabak memberi kesan besar terutama dalam aspek kewangan individu.

“Nak tolong dari segi kewangan, bolehlah sekadar yang saya mampu. Nak tolong banyak pun, mungkin tidak mampu kerana saya juga terjejas.

“Apabila jadi macam ni, tidak boleh buat persembahan, ada hikmahnya. Saya ada juga memberi idea kepada mereka demi meneruskan kelangsungan hidup.

“Ramai kawan saya termasuk rakan artis mencari peluang lain seperti berniaga atau mencipta sesuatu yang baharu. Insya-Allah, rezeki Allah itu luas, janji kita rajin usaha dan berdoa,” jelasnya lagi.

WK



SYAFIQ FARHAIN